

DEWAN MAJLIS**Isnin, 1 Rejab 1439/19 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL.,

Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari

ini iaitu hari yang kesebelas, Isnin, 1 Rejab 1439 bersamaan 19 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.(Imam Jame' Asr Hassanah Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat Segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, maka pada pagi ini kita dapat lagi bersama-sama berkumpul untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Balas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَلَامًا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada pagi ini merupakan Persidangan yang memasuki hari kesebelas. Saya berharap pada pagi ini dan nanti إِنَّ شَاءَ اللَّهُ pada sebelah tengah hari, kita akan dapat menyelesaikan banyak perkara lagi.

Seperti lazimnya, sebelum kita menyokong semula bagi meneliti dan membincangkan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 di

Peringkat Jawatankuasa kita akan lebih dahulu menyelesaikan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis yang belum kita laksanakan.

Pada hari Sabtu yang lepas kita telah menyelesaikan Soalan Yang Telah Diberi Notis No.27. Kita masih lagi ada 2 Soalan Yang Diberi Notis yang telah kita tangguhkan untuk dijawab secara lisan pada pagi ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 25 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin meminta beberapa penjelasan perkara seperti berikut:

1. Statistik mengenai kes-kes penuntut-penuntut Brunei Darussalam di luar negara yang mengalami masalah kesihatan mental jika ada. ;
2. Laporan *employee satisfaction* bagi lepasan *IBTE* dan statistik industri mana yang mempunyai respons yang paling positif dan sebaliknya.;
3. Perancangan *STEP Centre* dalam menguatkan penglibatan sekolah-sekolah dalam penjagaan alam sekitar. Adakah program *rent*

schools telah dijalankan dan berapa buah sekolah yang telah mengikuti program tersebut?. ; dan

4. Terdapat beberapa kesukaran bagi ibu bapa untuk mengambil anak mereka di pra sekolah pada waktu yang ditetapkan iaitu pada 11.30 pagi disebabkan waktu bekerja dari 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan lokasi kerja berjauhan dari sekolah anak-anak mereka.

Adakah pihak Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan jika sekiranya ada permohonan untuk menukar sekolah anak-anak mereka ke tempat yang lebih dekat dengan mereka bekerja? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kerana telah mengutarakan soalan seperti berikut :

1. Statistik mengenai kes-kes penuntut-penuntut Brunei Darussalam di luar negara yang mengalami masalah kesihatan mental.

Bagi menjawabnya Kementerian Pendidikan mengkongsikan di sini bahawa seramai 47 orang penuntut Negara Brunei Darussalam yang telah belajar di luar negara dari tahun 2013 hingga 2017 setelah mengalami masalah kesihatan mental.

Daripada jumlah tersebut seramai 17 orang penuntut lelaki dan 25 orang penuntut perempuan belajar di United Kingdom telah melaporkan mengalami masalah kesihatan mental. Manakala di negara lain iaitu di Australia adalah seramai 4 orang penuntut lelaki dan di Amerika Syarikat seorang penuntut perempuan.

Penyebab utama kemurungan dan kecelaruan mental dalam kalangan penuntut-penuntut biasiswa kerajaan di luar negara berkait rapat dengan faktor akademik. Dalam hal yang sama, faktor-faktor yang lain seperti keluarga, persekitaran, personaliti penuntut, kebolehan pengurusan masa dan kerohanian.

Kesihatan dan tempat kediaman juga memainkan peranan yang signifikan. Faktor-faktor ini juga berkait rapat antara satu dengan yang lain. Kesemua ini pencetus kepada keupayaan menghadapi tekanan cabaran akademik atau beban kerja.

Majoriti penuntut yang mengalami masalah kesihatan mental ini penuntut-penuntut biasiswa di

bawah Kementerian Pendidikan. *Trend* bilangan penuntut kita yang di luar negara yang mengalami masalah kesihatan mental kecil iaitu kurang dari 0.5% daripada keseluruhan jumlah penuntut-penuntut yang ada.

Walau bagaimanapun perkara ini tidak dapat diambil ringan, kerana salah satu masalah yang perlu ditangani segera bagi langkah-langkah intervensi awal dapat diberikan untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak di ingini berlaku.

Sehubungan itu, Bahagian Biasiswa dalam Kementerian Pendidikan mengambil serius isu-isu kemurungan dan kecelaruan mental dalam kalangan penuntut.

Penting bagi isu ini ditangani dengan cara bersepadu. Jika ada kes masalah kesihatan mental dikesan terhadap seseorang penuntut Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah tindakan menurut *standard operation procedure* yang sedia ada.

Ini termasuklah tindakan awal oleh *attache* pendidikan iaitu menghubungi penuntut berkenaan. Membuat janji temu, perjumpaan dengan penuntut berkenaan.

Menghubungi personal *tutor* atau doktor yang merawat penuntut berkenaan dan membuat janji temu perjumpaan. Menghubungi penjaga

atau ibu bapa mengenai keadaan mutakhir penuntut tersebut dan mendapatkan maklumat laporan kemajuan akademik pelajar.

Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di negara berkenaan, Kementerian Kesihatan dan Ketua Bahagian Biasiswa juga akan dimaklumkan untuk apa jua tindakan bersesuaian seperti apa jua urusan rawatan hospital, pemantauan berterusan dan urusan lanjut jika penuntut perlu balik ke Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu juga, dikongsikan bahawa Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Psiakiatri dan Bahagian Psikologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan bekerjasama mengadakan taklimat cara-cara mencegah dan menangani kemurungan atau kecelaruan mental semasa *pre-departure briefing* bagi penerima biasiswa kerajaan pada setiap tahun.

2. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan seterusnya yang dikehendaki laporan *employee satisfaction* bagi lepasan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) dan statistik industri mana yang mempunyai respons yang paling positif dan sebaliknya.

Bagi menjawabnya, kajian mengenai kadar kepuasan majikan atau *employee satisfaction studies* telah pun diungkayahkan oleh *IBTE* sejak tahun 2014 iaitu semasa mula

rancangan Transformasi Pendidikan Teknikal dilaksanakan. Kajian ini susulan daripada kajian *employment studied* dibuat 6 bulan selepas Majlis Konvokesyen.

IBTE juga telah melantik pihak ketiga sebagai *external auditor* untuk mengaudit dan mengesahkan hasil dapatan daripada kajian tersebut. Kajian ini bertujuan mengetahui tahap kepuasan majikan terhadap prestasi pekerjaan pelajar-pelajar lepasan *IBTE* dan kajian ini dibuat setahun selepas pelajar-pelajar berkenaan menerima sijil-sijil mereka.

Terdapat 6 kriteria dalam bentuk *skill area* yang dinilai dalam kajian ini, iaitu *Technical Skill and Knowledge, foundation skill, adaptive skill, teamwork skill, employability skill*. *Skill area* tersebut dinilai oleh *direct supervisor* iaitu penyelia-penyelia yang mengawasi pekerjaan serta memberikan tugas kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Hasil dapatan daripada kajian ini bagi Februari 2018 iaitu yang melibatkan pelajar yang lulusan November 2016 telah mendapati bahawa kadar kepuasan majikan adalah 85.2% yang menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4% berbanding tahun 2017.

Kajian ini juga mendapati bahawa sebanyak 85.5% majikan bersetuju bahawa *IBTE* telah menghasilkan

supply of graduates. Pendidikan latihan teknikal dan vokasional yang memenuhi keperluan industri dan 83.2% majikan juga bersetuju bahawa *IBTE* telah menyediakan kemahiran yang diperlukan.

Catatan tersebut adalah hasil maklum balas yang diperolehi daripada 297 *direct supervisors*, majikan daripada *industry banking finance insurance, logistic and transportation* dan media antara para majikan yang 100% sangat berpuas hati dengan lepasan *IBTE* di bawah kendalian mereka dan diikuti *industry technical and professional services* iaitu sebanyak 95.7%, *primary resource production manufacturing* sebanyak 94.1% dan *Public Administrations* sebanyak 92.9%.

Kajian ini juga menerima maklum balas daripada pihak majikan mengenai komen-komen dan cadangan pembaikan. Antara cadangan pembaikan yang diberikan seperti memperkasa *lifes skill* sebanyak 14.9%, penekanan *practical skill* sebanyak 14%, mengukuhkan lagi kurikulum agar ia selari kehendak industri sebanyak 10.5%. Menguatkan penempatan kerja dari pelajar-pelajar iaitu *industrial attachment* sebanyak 7.9% dan sebagainya.

Dengan adanya kajian dan maklum balas ini akan dapat memberikan maklumat kepada *IBTE* bagi meningkatkan lagi kualiti pelaja-

pelajar lepasan *IBTE* terutama dari segi pengetahuan, kemahiran serta kelakuan semasa kerja 3.

3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan seterusnya yang diutarakan ialah mengenai *STEP Centre*. Untuk menjawabnya dalam melaksanakan pendidikan ke arah pembangunan mampan ataupun *education for sustainable development* khususnya bagi menguatkan pendidikan penjagaan alam sekitar, Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar iaitu Pusat *STEP*, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti di bawah inisiatif langkah hijau yang bermula pada tahun 2013.

Inisiatif ini bertujuan menyediakan pelajar-pelajar di institut pendidikan dengan kemahiran, pengetahuan nilai dan sikap yang perlu untuk memastikan masa depan yang mampan.

Antara program inisiatif langkah hijau ialah Program Sekolah Hijau di Negara Brunei Darussalam. Sekolah Hijau ialah sekolah yang secara aktif melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan air, tenaga, pengurusan sisa, *green space and gardening* dan kebersihan.

Bagi memantapkan usaha dalam menggalakkan sekolah untuk melaksanakan Program Sekolah Hijau, Pusat *STEP* telah menerbitkan satu Buku Panduan

bertajuk *Guidebook for Green School in Brunei Darussalam* pada tahun 2015 untuk menggalakkan dan mewujudkan kesedaran amalan yang terbaik hijau di semua institusi pendidikan di negara ini. Sebagai kesinambungan kepada penerbitan buku panduan tersebut Pusat *STEP* telah mengendalikan kaji selidik, inisiatif Sekolah Hijau pada tahun 2017. Bagi mengetahui perkembangan serta status pelaksanaan inisiatif tersebut dan sekali gus bagi mendapatkan *base line data*.

Hasil dari kaji selidik berkenaan sebanyak 104 buah sekolah melaporkan ada melaksanakan program atau aktiviti Sekolah Hijau mengikut 5 tema seperti yang terkandung dalam buku panduan tersebut iaitu: "Tenaga pengurusan pembuangan sisa, *Green school space*, Air, Kesihatan dan Kebersihan".

Antara program lain yang dijalankan dalam menguatkan lagi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan dalam Alam Sekitar dan pembangunan mampan, Pusat *STEP* juga telah mengendalikan program kesedaran penjimatan air dan tenaga dengan kerjasama agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan serta syarikat-syarikat swasta.

Sebagai kesimpulan Pusat *STEP* perlu merancang melaksanakan

dan menerima cadangan program bersesuaian atau buah fikiran dari mana-mana agensi mengenai pendidikan yang berkaitan *education for sustainable development* khususnya yang berkaitan dengan alam sekitar yang melibatkan komuniti sekolah; dan

4. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan seterusnya mengenai kesukaran bagi ibu bapa untuk mengambil anak mereka di prasekolah pada waktu yang ditetapkan.

Bagi menjawabnya Kementerian Pendidikan memang sedia maklum akan kesukaran ibu bapa bukan sahaja berkhidmat di sektor kerajaan tetapi juga dihadapi oleh pekerja di sektor swasta dalam mengambil anak-anak sekolah semasa waktu bekerja. Untuk mengambil pelajar prasekolah yang keluar lebih awal iaitu pada jam 10.30 pagi menjadi cabaran bagi para ibu bapa yang terpaksa keluar lebih awal semasa waktu bekerja.

Adalah dikongsikan di sini bahawa para ibu bapa dan penjaga telah dibenarkan untuk menghantar anak mereka awal iaitu pada jam antara 7.15-7.45 pagi dan mengambil anak-anak mereka pada jam 12.00 tengah hari bersama murid-murid yang lain.

Perkara ini telah lama dipraktikkan di semua sekolah kerajaan di

negara ini. Bagi isu permohonan untuk menukar anak ke tempat yang lebih dekat dengan tempat ibu bekerja adalah dikongsikan bahawa penempatan sekolah bagi para pelajar berdasarkan kawasan tadahan.

Dasar ini bertujuan untuk memastikan setiap pelajar berpeluang untuk belajar dalam persekitaran ruang bilik darjah yang selesa dan tidak sesak. Pemohonan bagi menukar sekolah-sekolah anak mereka di luar kawasan tadahan dan berdekatan dengan tempat mereka bekerja pada lazimnya dipertimbangkan mengikut *case by case basis* dengan mengambil kira semua pelajar yang tinggal di dalam tadahan diberikan keutamaan ataupun *priority* lebih dahulu sebelum menerima pelajar dari bukan sekolah tadahan.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Mohon kebenaran untuk menambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Behormat Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Merujuk Yang Berhormat *point*

Yang Berhormat mengenai intervensi yang dilakukan apabila mendapati laporan kes kemurungan dan sebagainya.

Adakah pihak kementerian merancang untuk menambah kursus persiapan jasmani dan rohani sebagai contoh latihan jati diri melalui PKBN dan sebagainya sebelum pelajar-pelajar ke luar negara?

Ini bagi untuk meng*identify* sekiranya terdapat faktor-faktor yang patut dijadikan sebagai *trigger* sebelum pelajar-pelajar ini di hantar ke luar negara. Terima kasih.

Yang Behormat Yang Di-Pertua: Adakah kita masih bertumpu kepada soalan yang pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat iaitu statistik mengenai kes-kes penuntut Brunei Darussalam di luar negara yang mengalami masalah kesihatan mental? Yang Berhormat, adakah kita masih dalam soalan pertama?

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Saya.

Yang Behormat Yang Di-Pertua: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Brhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih atas soalan susulan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Adalah dalam perancangan untuk memantapkan lagi

kesediaan pelajar-pelajar terutama penerima-penerima biasiswa kerajaan dalam menempuh apa yang akan mereka hadapi di luar negara.

Untuk makluman bersama perkara ini telah pun ada disediakan dalam 3 *pre-departure briefing* dan untuk mempraktikkannya ia dilihat mengenai dalam *pre-departure* kesesuaiannya dan juga dengan keperluan sumber-sumber yang diperlukan jika kursus PKBN ini dilaratkan kepada pelajar-pelajar kita akan menerima biasiswa kerana ia mengambil selama 3 bulan dan ia harus disediakan 3 bulan sebelum mereka berangkat ke luar negara.

Tapi harus dikongsikan di sini kepada bakal-bakal yang akan memohon biasiswa kerajaan harus bersiap sedia dengan dirinya untuk mengetahui apa cabaran-cabaran yang akan mereka hadapi bila berada di luar negara. Ini satu kesediaan individu yang patut diambil kira dan difikirkan oleh para ibu bapa sebelum mereka belajar ke luar negara. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut yang terakhir iaitu Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian.

الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan membawakan Soalan Jawab Mulut Yang Diberi Notis iaitu mengenai dana sekolah. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekolah merupakan satu pusat integrasi antara pelajar berbagai-bagai peringkat. Ia bukan sahaja tempat untuk menimba pengetahuan malahan juga menjadi alat untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar.

Di sekolah berbagai-bagai usaha dan inisiatif telah dijalankan antaranya termasuklah aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran, gotong-royong, aktiviti kokurikulum yang seragam, sambutan perayaan, aktiviti kesenian dan kebudayaan, sukan, perkhemahan dan lain-lain.

Adalah dimaklumi bahawa perbelanjaan untuk membangunkan sekolah-sekolah termasuklah menyediakan alat-alat kelengkapan dan pemeliharaannya memerlukan perbelanjaan yang banyak tambahan pula pada masa ini ekonomi negara yang merosot.

Peruntukan untuk ini semakin berkurangan bagi mengatasi sebahagian daripada masalah kekurangan peruntukan ini mungkin adalah sesuai untuk mengadakan satu dana untuk sekolah-sekolah dengan mendapatkan

bantuan daripada orang ramai sebagaimana juga dana pembinaan masjid.

Di samping orang ramai dapat membantu kerajaan, mereka juga dapat beramal bagi kebajikan anak-anak mereka. Dana ini boleh digunakan sama ada untuk menampung pembinaan sekolah baharu, penyambungan atau pemeliharaan di mana yang perlu. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Adakah pihak kementerian bersedia untuk melancarkan dana sekolah-sekolah ini? Jika ada, bila masanya? Apa alasan yang munasabah diberikan?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai cadangan bagi Kementerian Pendidikan melancarkan dana sekolah-sekolah.

Untuk menjawabnya cadangan menubuhkan dana untuk sekolah yang disumbangkan oleh orang ramai dalam membantu menampung pembangunan pembelian kelengkapan dan pemeliharaan sekolah-sekolah adalah satu cadangan yang murni dan disambut baik oleh Kementerian Pendidikan. Ia juga memberikan peluang kepada masyarakat untuk membuat amal jariah dan membawa

pulangan pahala serta saham akhirat yang amat besar.

Dalam kesempatan ini Kementerian Pendidikan ingin mengongsikan bahawa pihak orang ramai sebenarnya dapat memberi sumbangan dana dalam beberapa bentuk seperti derma kewangan bantuan pembelian peralatan sekolah dan sebagainya secara terus kepada pihak sekolah dan tidak perlu menunggu sehingga adanya kemudahan dana untuk sekolah-sekolah yang dicadangkan ini.

Secara kesimpulannya cadangan penubuhan dana ini disambut baik dengan penelitian secara menyeluruh akan dilakukan sebelum ia dapat dilaksanakan dengan sebaiknya demi mencapai tujuan dan manfaat yang dihasratkan.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita telah selesai membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis sebagaimana kita sedia maklum sebanyak 27 soalan telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab secara lisan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkaitan dengan kementerian masing-masing dengan begitu jelas dan *comprehensive*.

Walau bagaimanapun, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tidak akan lagi menyuarakan serta

mengemukakan perkara-perkara yang sama dalam kita membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan nanti kerana apa yang saya perhatikan semasa kita duduk dalam Mesyuarat Jawatankuasa ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat masih lagi mengulang-ulang soalan-soalan yang telah dijawab semasa membincangkan Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan biasanya menjawab soalan-soalan itu. Jadinya kita berulang-ulang meneliti perkara yang sama.

Saya kira cukuplah perkara itu kita bawa dan kita jawab sekali dan sekiranya dikemukakan lagi ada baiknya Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan tidak menjawabnya ataupun tidak memberikan respons kepada soalan-soalan yang berkenaan.

Maka bagi membolehkan kita meneliti dan membincangkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan 2018/2019. Maka saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:
 Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Sebagaimana yang kita ketahui Rang Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Pada petang hari Sabtu yang lepas, kita telah mula membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Seramai 7 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membincangkan Tajuk ini.


Saya masih lagi mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Kesihatan. Kita juga telah mendengar jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan itu.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung semula untuk membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin membuat kenyataan tambahan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya semasa membincangkan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Walaupun pada dasarnya kita telah meluluskan Tajuk ini dan dijadikan sebahagian daripada Jadual, tetapi oleh

sebab perkara ini perlu juga dilakukan untuk pengetahuan umum, maka saya berikan kesempatan kepada Yang Berhormat itu untuk membuat kenyataannya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat  Pengerusi. Kaola akan menjawab beberapa soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Soalan-soalan itu diajukan pada 15 Mac 2018 semasa membahaskan Rancangan Belanjawan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

1. Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad iaitu. Apakah kegunaan bajet yang akan diberikan oleh RKN11 sebanyak \$57 juta? Iaitu \$30 juta di bawah Program Peningkatan Keluaran Sayur Menggunakan Teknologi Tinggi dan sebanyak \$27 juta bagi Rancangan Pembangunan Industri Ternakan?

Seperti yang kaola telah nyatakan bahawa peruntukan di bawah Kemajuan atau RKN11, sama ada peruntukan yang disediakan untuk Tahun 2018 / 2019, atau harga rancangan sepanjang tempoh RKN11, ia adalah untuk pembangunan infrastruktur asas bagi ladang-ladang seperti jalan-jalan ladang, parit-parit, bekalan air

termasuk projek pencegahan banjir, bekalan elektrik dan lain-lain.

Selain itu, khusus bagi sektor tanaman sayur-sayuran, ia juga digunakan untuk:

Menyediakan keperluan-keperluan Makmal Sains Tanah dan Nutrien Tanaman. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. *Calibration Machine*;
- ii. *Pre-assessment* dan *Assessment*;
- iii. Ujian *Proficiency*, Audit dan Penilaian;
- iv. Penilaian oleh Badan Akreditasi *ISO/IEC 17025 Accreditation*;
- v. Tambahan Ujian Analisis; dan
- vi. *Program Competent Laboratory & Competency Training*.

Program mendapatkan Pengiktirafan ISO 17025 Makmal-Makmal Perlindungan Tanaman Mendukung Pasaran Eksport. Antaranya ialah untuk:

- Memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur bangunan bagi Makmal Musuh Tanaman dan Makmal Penyakit Tanaman;
- Pembelian peralatan makmal bagi kerja-kerja diagnostik dan

pengenalpastian musuh-musuh perosak dan penyakit tanaman, dan juga kerja-kerja penyelidikan musuh perosak dan penyakit tanaman sayur; dan

- Pembelian bahan-bahan kimia makmal bagi kerja-kerja diagnostik dan pengenalpastian serta penyelidikan tanaman sayur-sayuran.

Program Persediaan Untuk Mendapatkan Pengiktirafan ISO 17025 Makmal-Makmal Analisis Hasil Segar Dalam Memenuhi Kriteria Pasaran Eksport Industri Tanaman. Antaranya termasuklah:

- Penyediaan fasiliti Makmal Mikrobiologi di Blok Pentadbiran Bahagian Industri Agrimakanan, Sinaut;
- Khidmat pakar perunding dalam pemeriksaan awal bagi menepati keperluan Skim Akreditasi Makmal ISO 17025;
- Perbelanjaan *inter-laboratories proficiency testing*; dan
- Perbelanjaan pengiktirafan Makmal Akreditasi ISO 17025

termasuk bayaran penyertaan dan pengauditan.

2. Mengenai sektor ternakan pula. Dengan harga rancangan yang diperuntukkan sebanyak \$27 juta, antara projek-projek yang akan dikendalikan termasuklah:

- i. Melaksanakan Program Pusat Penyelidikan, Pengenal dan Rujukan Bagi Penyakit Ternakan di *Brunei Agriculture Research Centre (BARC)*, Kilanas iaitu termasuk bagi meningkatkan keupayaan pusat yang ada sekarang dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dalam membantu para pengusaha ternakan supaya lebih kompetitif seperti penyediaan struktur dan pelan kompleks, penyediaan infrastruktur asas dan pembinaan bangunan Pusat Penyelidikan, Penganalisan dan Rujukan dan perlatan-peralatan yang diperlukan; dan

- ii. Melaksanakan Program Pengisytiharan Status Bebas Penyakit ke Arah Memudah Cara Eksport bagi Industri Ternakan iaitu termasuk meningkatkan keupayaan ke arah berperanan menjadi *competent authority* dalam

memberikan khidmat pakar dan nasihat ke arah memudah cara eksport seperti projek pelaksanaan *Active Surveillance*, projek pengesanan *Salmonella*, projek pemeriksaan saringan inovatif ubat-ubatan veterineri, program peningkatan ujian-ujian makmal dukungan dan projek peningkatan kaedah pemeriksaan *molecular*.

Sebagai makluman jua, kaola difahamkan bahawa harga rancangan memang tidak disediakan kesemuanya pada satu-satu tahun. Tetapi untuk dipohonkan sepanjang tahun-tahun RKN mengikut keutamaan dan mengikut kemampuan kementerian berbelanja dan melaksanakan projek berkenaan.

3. Mengenai perancangan tertentu pengeluaran hasil asas tani yang dijangka akan meningkat tetapi kitani tidak bersedia dengan aktiviti *downstream*. Soalnya, ke manakah tujuannya hasil asas tani yang banyak itu?

Untuk makluman semua, tumpuan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sesuai dengan namanya, buat peringkat awal adalah peningkatan keluaran sektor pertanian, ternakan dan perikanan lebih dahulu, kerana keluaran peladang dan petani

kita ketika ini terlalu rendah berbanding potensi keluaran sebenar. Kebanyakan keluaran peladang kita malah masih belum mampu memenuhi keperluan dalam negara, apatah lagi untuk keperluan pembuatan atau pemprosesan. Walau bagaimanapun, dengan pertambahan pesat keluaran sumber-sumber utama nanti, jika menjadi kenyataan, kita mempunyai beberapa strategi iaitu:

- i. Untuk mengeksport keluaran berkenaan ke luar negara; dan
- ii. Dengan menggalakkan aktiviti pemprosesan barangan tersebut.

Ini tertaklukkan kepada sambutan pihak pelabur dari dalam dan luar negara sama ada membuat keputusan mengeksport atau memproses dalam negara. Seperti yang dimaklumi, syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan sudah ada di Negara Brunei Darussalam seperti *BMC Food Industry Sendirian Berhad*, *IDEAL Multifeed Farm Sendirian Berhad*, *Kingston Beverages and Creamy Sendirian Berhad*, *Western Food and Packaging Sendirian Berhad*, *Sahatain Asia Sendirian Berhad* Brunei dan *Sabli Food Industry Sendirian Berhad* sendiri.

Mereka bolehlah mengembangkan perniagaan mereka dengan menggunakan bahan mentah dari dalam negara ataupun mengimport dari luar negara tertakluk kepada penilaian masing-masing.

4. sumber perikanan, statistik Seterusnya, kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput iaitu mengenai kawasan baharu bagi penangkapan ikan di perairan Daerah Belait, takat tiruan bagi meningkatkan pengeluaran nelayan Daerah Belait, kesalahan pencerobohan di kawasan pelantar minyak.

Sebagai jawapan kawasan menangkap ikan di Daerah Belait diakui sangat terhad disebabkan oleh kawasan pelantar minyak yang banyak. Menerusi statistik Jabatan Perikanan, menunjukkan penurunan hasil tangkapan sejak tahun 2000 lagi.

Maka dalam usaha jabatan untuk memperkayakan lagi sumber-sumber perikanan di negara ini, Jabatan Perikanan memang mempunyai inisiatif untuk membina lebih banyak takat tiruan di pesisiran pantai, kerana kawasan takat-takat tiruan ini berfungsi sebagai kawasan perlindungan dan pembiakan anak-anak ikan dan pada masa yang sama ia akan dapat meningkatkan produktiviti kawasan-kawasan menangkap ikan bagi menambah pendapatan para nelayan.

Salah satu cara bagi penambahan takat negara ini ialah melalui kerjasama antara Jabatan Perikanan dengan *Brunei Shell Petroleum* dengan menggunakan bekas pelantar minyak yang tidak digunakan lagi untuk disumbangkan dan dijadikan takat tiruan menurut perundangan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa maritim dan Jabatan Pelabuhan Brunei Darussalam,

Kementerian Perhubungan bagi memastikan proses *deployment* adalah teratur. Aktiviti ini adalah diharap akan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan sumber perikanan di negara ini.

Walau bagaimanapun, disebabkan hasil penangkapan ikan di laut terlalu bergantung pada cuaca dan juga sumber yang menurun, maka Jabatan Perikanan menggalakkan lebih banyak aktiviti akuakultur yang berkeupayaan mengeluarkan penghasilan di sepanjang tahun.

Bagi Daerah Belait terdapat beberapa kawasan yang telah dikenal pasti kesesuaiannya yang akan dibukakan untuk pengusaha atau yang sedia ada di Daerah Belait yang berminat seperti di Kuala Balai seluas 23 hektar juga mempunyai pengusaha penternak dan penetasan udang galah yang aktif di Kampung Rampayoh, Daerah Belait.

Statistik berkenaan hasil tangkapan di Daerah Belait adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2015 tangkapan berjumlah 199 metrik tan dan menurun pada tahun 2017 sebanyak 32 metrik tan. Statistik menunjukkan penurunan hasil tangkapan antara lain disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu dan juga bilangan nelayan yang berkurangan; dan
- ii. Statistik pencerobohan di kawasan zon keselamatan pelantar minyak adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2015 sebanyak 32 kejadian;
- ii. Tahun 2016 sebanyak 76 kejadian; dan
- iii. Tahun 2017 sebanyak 87 kejadian.

Statistik ini diperolehi dari Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan, Jabatan Perdana Menteri yang menunjukkan peningkatan pencerobohan di pelantar-pelantar minyak sejak 2015. Penguatkuasaannya dilaksanakan secara bersepadu dari Polis Marin sebagai agensi penyelaras, Jabatan Perikanan dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dengan bantuan Syarikat Minyak Shell sendiri.

Sekian sahaja jawapan kaola bagi menjawab soalan yang lalu yang kaola minta tangguh dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu terima kasih atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menjawab beberapa soalan yang telah pun diketengahkan

pada 17 Mac 2017, pada hari Sabtu lepas iaitu jawapan tambahan.

1. Soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai dengan Unit Keusahawanan seperti mana juga dalam mukadimah kaola mengenai peranan belia dalam pertumbuhan kepelbagaian ekonomi adalah penting dan amat digalakkan.

Ia selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-34, bahawa baginda bertitah para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau luar negeri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pusat Pembangunan Belia mempunyai sebuah unit Pembangunan Kesusahawanan Belia iaitu Unit Latihan Kemahiran dan Kesusahawanan. Peranan utama unit ini ialah memberikan perkhidmatan yang sama seperti yang ditawarkan oleh Program Pembangunan Kesusahawanan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan, akan tetapi dengan sasaran yang khusus kepada pelatih termasuklah bekas pelatih Pusat Pembangunan Belia. Antara program yang dilaksanakan oleh unit ini ialah Pendidikan Asas Keusahawanan, Minggu Keusahawanan, Perancangan

Kewangan, Konsultasi Perniagaan, Program Belia Berdikari, Program Keusahawanan Belia dan ekspo-ekspo jualan.

Manakala, Program Pembangunan Keusahawanan di bawah Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan yang mula dilaksanakan pada tahun 2011 juga mempunyai peranan untuk menyumbang kepada penghasilan belia pengusaha yang berpengetahuan inovatif dan produktif. Program ini dibukakan kepada para belia dan pengusahawanan untuk mengikutinya secara sukarela. Antara aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh program ini seperti berikut:

- i. *Youth Business Talk* yang dilaksanakan 2 atau sekali setahun dan lazimnya dijalankan selama 3 hari.; dan
- ii. *Business Zero to One* ialah program ini berupa bengkel keusahawanan singkat yang ditawarkan sebulan sekali seperti tatacara pemasaran dan penjenamaan produk.

الحمد لله aktiviti-aktiviti yang ditawarkan mendapat sambutan yang sangat baik khususnya daripada kalangan belia. Setakat ini, seramai lebih 1000 peserta terdiri daripada golongan belia telah menyertai aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan dan maklum balas daripada para peserta belia terhadap program-program yang ditawarkan sangat positif.

Secara dasarnya, kedua-dua inisiatif ada mempunyai persamaan yang memberikan kepelbagaian pilihan kepada belia untuk mendapatkan latihan kemahiran dan pengetahuan dalam perekonomian yang dapat diaplikasikan di mana-mana bidang keusahawanan.

Ke arah tersebut, bagi menjawab persoalan sama ada ia untuk dipindahkan, abiskaola berpandangan memandangkan kumpulan sasaran berbeza dan mengambil kira Program Pembangunan Keusahawanan di bawah Pusat Belia mendapat sambutan yang sangat baik, kita berpendapat bahawa buat pada masa ini struktur yang sedia ada untuk dikekalkan. Walau bagaimanapun, kita akan secara berterusan meneliti dari masa ke masa mengenai kesesuaian tersebut.;

2. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai dengan bantuan atas nama suami. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya Bantuan Kebajikan Bulanan adalah diberikan atas nama suami atau isteri.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat akan memastikan mana-mana penerima yang berkeluarga bantuan akan diberikan atas nama suami kecuali jika terdapat masalah tertentu, baru Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan atas nama isteri.

Seterusnya dikongsikan bahawa pihak kementerian sedang meneliti garis panduan Bantuan Kebajikan Bulanan dengan memastikan agar mereka benar-

benar berkelayakan untuk menerima bantuan-bantuan berkenaan seperti mana juga tadi yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

3. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berhubung soalan Unit Arkeologi di bawah Jabatan Muzium-Muzium menggunakan alat canggih seperti negara lain.

Untuk makluman Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium-Muzium pada masa ini menggunakan teknologi setaraf dengan piawaian Ukur di Negara Brunei Darussalam selaras dengan piawaian antarabangsa.

Sebagai tambahan keperluan bagi penggunaan peralatan yang lebih canggih bagi mana-mana projek arkeologi akan dilaksanakan bersama kementerian dan jabatan-jabatan serta pakar-pakar dari dalam dan luar negara dan ia bukanlah dibuat secara bersendirian.

4. Cadangan bagi Pusat Konservasi Warisan, Terima kasih atas cadangan atas penubuhan Pusat Konservasi Warisan. Ia salah satu cadangan yang sedang diteliti oleh Jabatan Muzium-Muzium pada waktu ini dan apa yang penting ia hendaklah mengambil kira perancangan yang khusus dengan mengambil kira tempat penyimpanan koleksi warisan negara yang bertaraf antarabangsa sesuai dengan keperluan yang akan datang.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola mengambil kesempatan untuk membuat penjelasan dalam dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman ketika membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Kesihatan.

Dua perkara tersebut ialah berhubung dengan kawalan halal ke atas *import* barang makanan dan yang kedua ialah berhubung dengan perubatan alternatif tetapi bukan itu yang akan kaola ulas tetapi yang berhubung dengan siapa yang mengawal Darussyifa.

1. Kaola ingin menjelaskan bahawa dalam menangani kehalalan sesuatu produk makanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya Majlis Ugama Islam berpandu kepada beberapa undang-undang yang tertentu misalannya dalam hal daging mentah iaitu pengeluarannya dalam negeri dan kemasukannya dari luar negeri juga dikawal di bawah Akta Daging Halal Penggal 183 berserta dengan aturan-aturannya.

Dalam kata lain, maka di bawah akta berkenaan itu orang ataupun pihak

yang berhajat untuk membawa masuk meng*import* daging mentah dari luar negeri dikehendaki lebih dahulu memenuhi kehendak undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Daging Halal, Penggal 183.

Ini kitani semuanya sudah maklum dan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman pun sudah maklum dan Yang Berhormat tidak mempersoalkan perkara ini.

Adapun Perintah Sijil dan Label Halal, Pindaan 2017 yang berkuat kuasa pada 26 Mei 2017 tahun lepas juga setakat mewajibkan ke atas pemilik perniagaan termasuk pengeluar produk yang berkaitan dengan makanan di negara ini memohon Sijil Halal dan Permit Halal Brunei.

Adalah jelas bahawa kuat kuasa perintah yang kaola sebutkan tadi hanya ke atas syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha produk makanan dalam negeri atau yang berdaftar dalam negeri tetapi mempunyai cawangan operasinya di luar negeri (tidak ke atas pengusaha luar negeri melainkan jika pengusaha atau jika pihak perusahaan luar negeri itu memohon secara sukarela).

Hal ini telah kaola sebutkan semasa membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa kaola ada menyebutkan setakat ini ada

sebanyak 344 Permit Halal dan 22 Sijil Halal telah dikeluarkan kepada perusahaan luar negeri itu yang memohon secara sukarela di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, Pindaan 2017.

Maka dalam keadaan sedemikian itu Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, seolah-olah ada ketirisan atau kitani sebut *loopholes* dalam menangani isu pemakanan halal terutama sekali yang dibawa masuk atau di*import*. Bagaimana pun kita jangan memahami seolah-olah kerajaan tidak memerhatikan serius perkara ini.

Kerajaan mengambil langkah-langkah dan tidak mengabaikan kepentingan kehalalan barangan makanan yang di*import* itu misalnya setakat yang berjalan pada masa ini ialah dengan mengasingkan barangan yang diragukan kehalalannya itu daripada kumpulan barangan-barangan yang sudah diyakini halalanya.

Ada kes-kes tertentu yang diperintahkan supaya barangan yang diragukan itu setelah diperiksa melalui makmal diperintahkan supaya ditarik daripada pendedaran. Dari segi undang-undang yang lain iaitu undang-undang yang ada yang kaola sebutkan Yang Berhormat Pengerusi setakat Perintah Daging Halal, Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, Pindaan 2017 itu tetapi Kementerian Hal Ehwal

Ugama juga melihat terdapat kawalan yang munasabah ke atas barang makanan import.

Perkara ini boleh dilihat di bawah *legislation* dalam kawalan kementerian rakan sejawatan kaola iaitu Yang Berhormat Menteri Kesihatan iaitu khasnya Bab 9 (2)(B) Akta 83 *Public Health (Food)* dan dibaca bersama Bab 10 Akta yang sama yang boleh ditafsirkan bahawa: "Mana-mana orang yang hendak membawa masuk makanan ke Negara Brunei Darussalam khasnya dalam keadaan di mana terdapat *lifelabel* atau tanda halal luar negeri dibungkusan makanan dan minuman yang diimport itu maka barangan berkenaan adalah dikehendaki memenuhi syarat halal seperti mana yang telah ditetapkan di bawah akta yang berkenaan" iaitu tegasnya Bab 10 Akta tersebut ada membutirkannya termasuk hukuman ke atas kesalahan mengenainya.

Bagaimanapun Yang Berhormat Pengerusi, untuk langkah ke hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya Majlis Ugama Islam akan meneliti lagi perkara ini dan mengajak sama Kementerian Kesihatan, rakan sejawatan kaola bahawa Kementerian Kesihatan ber*authority* di bawah undang-undang yang kaola sebutkan tadi iaitu berkenaan dengan Keselamatan Makanan, Akta 82, *Public Health (Food)* khasnya Bab 9 (B) yang dibaca bersama Bab 10 Akta yang sama.

إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya Majlis Ugama Islam akan bersama juga dengan Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak *stakeholders* yang lain untuk meneliti perkara ini sejelas-jelasnya. Demikian perkara kawalan ke atas barangan *import* makanan kawalan kehalalannya.

Mengenai kawalan ke atas Darussyifa, Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan bahawa Darussyifa adalah badan atau perkumpulan berdaftar kepada Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan (ROS).

Oleh itu Darussyifa adalah di bawah kawalan Undang-Undang berkenaan, di bawah bidang kuasa Pendaftar, Pertubuhan-Pertubuhan. Darussyifa tidaklah berada dalam kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ini sangat perlu jelas dan adapun hubung kaitnya dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama kalau pun ada, ialah apabila ia memohon mengumpul dana untuk pertubuhannya dalam bentuk wakaf.

Maka dalam konteks itu, kerana wakaf di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Brunei dalam konteks itu ia memohon kebenaran dari Majlis Ugama Islam Brunei. Jadi setakat itu, kalau ada hubung kaitnya berdasarkan *case to case*.

Demikian yang terhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih dan

kaola berharap penjelasan kaola itu ada faedahnya untuk Dewan ini.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kita ucapkan kepada 3 orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah memberikan jawapan-jawapan tambahan berhubung dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan semasa mempertimbangkan belanjawan kementerian masing-masing dan juga sama-sama kita membincangkan mengenai Tajuk Belanjawan Kementerian Kesihatan.

Sekarang kita mula membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Kesihatan. Saya persilakan dulu Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan Kod 004/000. Isu kesihatan Mental dan Kemurungan sudah kaola bangkitkan pada tahun lepas. الْحَمْدُ لِلَّهِ dapat dilihat sudah peningkatan dari segi inisiatif dari Kementerian Kesihatan.

Namun masih ada orang awam tidak mengenal pasti kemurungan sebagai satu penyakit bahkan dilihat sebagai beban ataupun hinaan. Kita sudah mempunyai *Mental Health Order 2014*. Apakah strategi dari pihak kementerian dalam menangani isu kesihatan mental yang setentunya berbeza dari pelbagai peringkat umur?

Ini termasuklah *stream lining* usaha dengan institusi-institusi pendidikan. Sebagai contoh Universiti Brunei Darussalam kini menawarkan *group counseling* bagi memberi peluang selamat ataupun *safe space* untuk berkongsi tentang kemurungan, kebimbangan dan tekanan.

Hukuman-hukuman seperti Seksyen 309 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 yang membawa hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya. Bagi percubaan membunuh diri perlu dikaji semula kerana mereka yang mengalami masalah kesihatan mental ini perlu pertolongan, dorongan dan bantuan dari semua pihak termasuk pihak kerajaan dan masyarakat. Seperti jua mana-mana masalah kesihatan, maka adalah tidak wajar orang yang mengalami sakit mental dihukum.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita masih lagi dalam soal *mental problem* ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat

Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari tadi, izinkan kaola membuat sedikit penambahan kenyataan jua mengenai soalan-soalan semalam.

1. Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semalam, mengenai kesihatan awam. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** pihak kerajaan sudah berkerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan baik swasta akar umbi ataupun *NGO's* dalam isu kesihatan kita dalam *reproductive* seperti jangkitan *HIV* dan hubungan kelamin serta kehamilan remaja.

Di sini untuk menyelaraskan lagi inisiatif serta program-program yang dilaksanakan dan supaya ia tidak lagi bersifat *ad hoc* sudah tibanya kita merancang sebuah strategi di peringkat kebangsaan merentas sektor ataupun *cross sector* bagi menangani isu-isu kesihatan *reproductive* ini yang sesuai dengan budaya dan sosioekonomi negara kita.

Cadangan tersebut untuk merancang sebuah strategi *cross sector* bagi menangani isu *reproductive* kesihatan disambut baik oleh kementerian ini. Selain kementerian ini, isu ini telah sama-sama diberikan perhatian oleh beberapa agensi lain seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di Kementerian Kesihatan, rawatan bagi masalah kesihatan *reproductive* ditangani oleh beberapa bahagian seperti *Paediatric, Obstetric* dan *Gynecology, Surgical* dan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi. Ini bergantung pada masalah dan umur pesakit.

Selain itu, kementerian kesihatan melalui Promosi Pusat Kesihatan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi juga berkerjasama dengan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah dalam menganjurkan *module* kesihatan bagi kursus pranikah yang banyak mengandungi maklumat mengenai hal-ehwal kesihatan *reproductive*.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk menjalankan *Mid Assessments Study* mengenai keperluan perkhidmatan kesihatan remaja termasuk program-program yang berkaitan dengan kesihatan *reproductive* dan pencegahan faktor-faktor risiko yang berkaitan.

Apa yang diharapkan kajian ini nanti akan dapat mengukuhkan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan mengenai perkara ini oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Negara Brunei Darussalam;

2. Bagi menambah kenyataan mengenai soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, dan apa yang telah dinyatakan sebentar tadi juga oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, mengenai Makanan Halal.

Di sini izinkan kaola menambah kenyataan mengenai proses membawa masuk makanan *processed food* dari luar negara. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kesihatan Awam, Makanan Penggal 182, mana-mana makanan berproses yang hendak diimport ke Negara Brunei Darussalam, hendaklah didaftarkan lebih dahulu di Kementerian Kesihatan, melalui Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan sebelum diimport.

Sejak 6 Oktober 2016, permohonan pendaftaran makanan import boleh dilakukan atas talian ataupun *online* melalui *Portal Kerajaan e-Darussalam*. Dokumen-dokumen yang diperlukan juga hendaklah dimuat naik ke sistem tersebut.

Dokumen-dokumen tersebut berupa sijil ataupun dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di negara tempat makanan tersebut diproses. Ini

untuk memastikan produk-produk makanan tersebut telah diproses di premis-premis makanan yang bersih dan dikawal oleh pihak yang berkuasa di negara berkenaan.

Dokumen-dokumen yang dimaksudkan ialah seperti Lesen Bagi Pengilangan, Sijil *Good Manufacturing Practice* ataupun *GMP*, Sijil *Hard Anylisis Critical Control Point* ataupun *HACCP*, Sijil *ISO 22000* atau mana-mana dokumen lain yang berkenaan.

Dokumen-dokumen tersebut akan diperiksa semasa meneliti permohonan dan pendaftaran pengimportan makanan yang berproses. Selain itu, penelitian, perlabelan pada bungkusan makanan termasuk senarai ramuan dan *additive* makanan untuk memastikan produk makanan tersebut dibuat daripada bahan-bahan yang selamat.

Produk makanan yang diluluskan pendaftarannya akan diberikan nombor rujukan yang akan dapat digunakan untuk membuat deklarasi melalui *Brunei Darussalam National Single Window* semasa pengimportan nanti.

Brunei Darussalam National Single Window ini di bawah kawalan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga melibatkan agensi-agensi kerajaan dan yang

lain-lain termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengawal kemasukan daging seperti yang diterangkan tadi *as Raw Meat* yang diperuntukkan di bawah Akta Daging Halal Penggal 183.

Pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan memastikan produk-produk makanan yang dimasukkan seperti yang telah dideklarasikan ketika kemasukan tersebut. Sekian terima kasih;

3. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari tadi, mengenai *Mental Health*. الحمد لله Mental Health Order telah pun diluluskan dan seperti yang Yang Berhormat sendiri maklum kurangnya pengetahuan orang ramai mengenai ini juga.

بِسْمِ اللَّهِ كEMENTERIAN Kesihatan mengambil maklum mengenai ini dan akan berusaha untuk memberigakannya lagi atas orang ramai terutama sekali masyarakat umum di institut pendidikan atau sekolah-sekolah kerana kemurungan tidak semestinya orang dewasa sahaja dan ia juga terkandung kanak-kanak sekolah.

Perkara ini memang diambil perhatian serius. إن شاء الله bagi menangani masalah tersebut. Kementerian Kesihatan akan berusaha lebih keras lagi

memberigakannya kepada orang awam.

Mengenai percubaan membunuh diri akan dipenjarakan itu mungkin di luar kuasa Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. bagi menyambung perbincangan Perbekalan Kewangan 2018/2019, pertama kali, kaola ingin memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala setinggi-tinggi menjunjung terima kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kita selaku rakyat dapat hidup dengan aman damai dengan pimpinan baginda di samping dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan perubatan dan rawatan secara percuma dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan. Termasuklah anak kaola sendiri yang telah menerima rawatan penuh atas masalah jantung yang dialaminya. kini sudah beransur pulih.

Kaola percaya ramai lagi yang telah menerima rawatan seperti begini secara percuma. Ini sudah setentunya mencerminkan keprihatinan serta pemedulian baginda yang seluruh warga negara Brunei bertuah kerana dapat menikmati perkhidmatan penjagaan dan perubatan kesihatan secara percuma walaupun kita sedia maklum akan rawatan kesihatan termasuk ubat-ubatan memerlukan kos yang tinggi yang diperuntukkan oleh kerajaan. Namun, apa yang mendukacitakan segelintir masyarakat tidak menyedari akan kemudahan yang diberikan.

1. Atas perkara ini jua kaola ingin mencadangkan supaya kos ubat-ubatan, kos-kos rawatan, kos-kos perkhidmatan kesihatan dapat diberigakan atau sekurang-kurangnya dimaklumkan kepada orang ramai dan pesakit, seperti pemberian resit dengan mencetak kos sebenar ubat, rawatan prosedur dan konsultasi doktor mengikut kesesuaian.

Yang Berhormat Pengerusi, mungkin perkara ini kedengaran remeh-temeh, bagaimanapun pada pendapat kaola ia akan memberikan impak positif yang boleh meningkatkan kesedaran mengenai keprihatinan dan pemedulian baginda dan kerajaan terhadap rakyat agar lebih bersyukur dan terima kasih kepada kerajaan sekali gus jua dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.; dan

2. Seterusnya, kaola ingin menyentuh mengenai sistem *Bru-HIMs* yang telah lama dipertengahan kepada pesakit di Negara Brunei Darussalam. Sistem *Bru-HIMs* adalah sistem menggantikan fail rekod perubatan pesakit secara *conventional* kepada rekod elektronik. Setiap individu di negara ini akan mempunyai satu rekod elektronik pesakit yang mengandungi maklumat dan sejarah perubatan yang komprehensif dijadikan satu pesakit satu rekod (*one patient one record*).

Bru-HIMs telah mendatangkan kesan yang positif lagi signifikan dalam memperkasakan lagi kualiti dan penambahbaikan penjagaan serta perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Apakah ada perancangan Kementerian Kesihatan untuk menjadikan sistem dapat diakses oleh klinik-klinik swasta? Tujuannya agar para doktor di klinik-klinik lebih mengetahui sejarah atau rekod kesihatan pesakit dan memungkinkan doktor berkenaan untuk menyesuaikan ubat yang diberikan kepada pesakit.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai soalan-soalan yang diutarakan.

1. Yang Berhormat menyatakan tadi itu memang benar. Kerajaan Brunei Darussalam mengeluarkan perbelanjaan yang banyak bagi mengawal kesihatan penduduk di negara ini. Cadangan Yang Berhormat tadi sangat dialu-alukan dalam memberigakan mengenai kos rawatan tersebut termasuk ubat-ubatan.

Untuk makluman, kos rawatan ubat-ubatan ini pernah diberigakan beberapa tahun lepas. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan diteliti dan mungkin akan dilanjutkan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di *Gleneagles JPMC* atau *The Brunei Cancer Center, Brunei Neuro-Science Stroke Center*, para pesakit yang masuk di sana, keluarganya akan melihat segala resit yang ada. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** melalui apa yang kaola sendiri bincangkan dengan pesakit-pesakit atau keluarga pesakit bila mereka melihat bil-bil ini, *they are very appreciative*, tahu mereka bahawa ubat sebulan adalah beribu untuk seorang. Mereka amat bersyukur dengan apa yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara tersebut akan dilarat-laratkan jua di Kementerian Kesihatan. Semoga orang ramai juga akan *be more responsible*

terhadap *health care* sendiri dan segala perkhidmatan yang diberikan; dan

2. Mengenai sistem *Bru-HIMs*. Sistem ini mengganti fail dan maklumat pesakit yang konvensional seperti yang diterangkan tadi *one patient one record*. Kesan positifnya memang signifikan. Ia bertujuan memastikan kalau pesakit ini ada sakit di mana-mana hospital, segala sejarah terutama sekali ubat-ubatannya itu akan dilihat oleh doktor yang merawat pada waktu itu juga.

Cadangan untuk memberigakan atau untuk membenarkan klinik-klinik swasta untuk mengakses sistem *Bru-HIMs* itu satu cadangan yang baik.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan perlu melihat dahulu bagaimana ia boleh dilaksanakan dengan sempurna kerana klinik-klinik swasta pada masa ini belum ada *Private Health Care Act*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila ada *Private Health Care Act* nanti diadakan, mereka ini dapat dikawal di bawah Kementerian Kesihatan dengan lebih padu. Mungkin sistem *Bru-HIMs* ini akan dilaratkan ke pihak swasta.

Ini dari segi isu keselamatan data pesakit itu dengan adanya *Private Health Care Act* nanti ia akan dapat

memastikan keselamatan data *confidentiality* pesakit *its very strong*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

أَهْلِي-أَهْلِي يَا يَنْحَرُكَ اللهُ وَيَرْكَانُهُ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola membangkitkan 3 isu. الحمد لله
 Kementerian Kesihatan pada Belanjawan 2018/2019 diperuntukkan \$344,336,490.00.

1. Kaola menyentuh Tajuk SM01A - Kesihatan. Pada tahun 2017 yang lepas iaitu pertengahan tahun, ada Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung mengadakan satu perjumpaan bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Salah satu yang dibangkitkan ialah masalah kereta ambulans untuk menangani panggilan kecemasan di Daerah Tutong yang hanya sebuah ditempatkan di Balai Bomba Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai.

Memandangkan Daerah Tutong mempunyai kawasan yang luas dan termasuk jua kawasan pedalaman dan ditakuti berlaku kecemasan di tempat-tempat yang berlainan maka dipohonkan sebuah lagi kereta

ambulans untuk menangani masalah kecemasan ini iaitu ditempatkan di Balai Bomba Lamunin;

2. Pada masa ini orang ramai yang memerlukan rawatan selepas waktu bekerja dan juga masa hari-hari kelepasan awam di hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong ialah di Bahagian Kecemasan.

Apa yang koala ingin timbulkan ialah tempat menunggu pesakit sebelum berjumpa doktor, pesakit-pesakit menunggu di kawasan koridor tempat laluan bukan dalam bangunan sama ada siang atau waktu malam. Sehubungan dengan itu, orang ramai memohon supaya ada usaha dari Kementerian Kesihatan untuk menempatkan mereka ini menunggu dalam bangunan hospital kerana nampaknya kalau di luar itu orang ramai melihat terutama pelancong seolah-olah selesai mereka ini macam tidak diambil peduli; dan

3. Kaola menimbulkan masalah obesiti yang dialami oleh ramai penduduk Negara Brunei Darussalam terutama dalam kalangan kanak-kanak. Adakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai dan kalau ada apa kesannya?

Sekian itulah kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua pada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Menjawab mengenai masalah ambulans, pihak Kementerian Kesihatan mengambil maklum dengan masalah ambulans ini dan memang selama ini satu sahaja ambulans di Tutong itu dan ditempatkan di Bukit Beruang dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** selepas Kementerian Kesihatan menilai semula tempat penempatan ambulans ini, sudah pun dipohonkan mengenai ambulans tersebut.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam Peruntukan Belanjawan 2018/2019 ini, sebanyak 16 buah ambulans baharu akan dipohonkan untuk menambah ataupun mengganti apa yang tidak baik. Mengenai penempatan itu pun, ia bermula sejak April 2017, ia adalah untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dalam menangani pertolongan kecemasan serta memperbaiki masa bertindak ataupun *response time* mereka.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat nyatakan tadi Tutong ini besar bagi penempatan ini akan diteliti semula dan dengan adanya peruntukkan yang diberikan untuk menambah banyak ambulans, masalah ini insya-Allah akan dapat ditanai;

2. Mengenai tempat menunggu di Tutong Hospital di koridor itu. Semasa lawatan kaola sendiri pun, kita terkilannya dengan keadaannya jua, so **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ini pun sudah diusahakan dan sejak Februari tempat menunggu ini dipindah berdekatan dengan ruang *x-ray* di hospital tersebut so ianya tidak lagi di koridor mulai Februari baru-baru ini; dan
3. Mengenai masalah obesiti, terutama sekali dalam kalangan kanak-kanak. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan ia melibatkan *Cross Functional Team* di bawah *Multisectoral Task Force for Health* iaitu di bawah tajuk "Memberikan Permulaan yang Terbaik bagi Kanak-Kanak" telah pun ditubuhkan dan dipengerusikan oleh SUT Kementerian Pendidikan yang objektifnya ialah bagi *cross functional team* ini untuk mengawal kenaikan obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Melalui *Cross Functional Team* ini jua beberapa tindakan utama telah dikenal pasti bagi mencapai objektif yang telah dipersetujui termasuklah:

1. Meneliti ataupun merangka atau menggubal beberapa buah dasar dan garis panduan seperti:
 - i. Garis panduan pemakanan dan kegiatan fizikal bagi pusat-pusat

- penjagaan kanak-kanak berusia 0-5 tahun;
- ii. Panduan penjualan dan penyajaan makanan dan minuman sihat di sekolah;
 - iii. Dasar kegiatan fizikal di sekolah-sekolah;
 - iv. Dasar pengiklanan makanan dan minuman tidak sihat kepada kanak-kanak;
 - v. Dasar "*The Code of Practice for Health Workers on the Marketing of Infant Foods and Related Products* bagi memperkukuhkan lagi langkah-langkah mempromosikan penyusuan susu ibu.

sasaran *Cross Functional Team* ini termasuklah:

- i. Pelaksanaan *National Strategy for Maternal Infant and Young Child Nutrition (MIYCN) in Brunei Darussalam 2014-2020*;
- ii. Pelaksanaan dasar minum air di sekolah-sekolah; dan
- iii. Pengendalian Klinik Obesiti Kanak-Kanak di Jabatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian.

Lebih dahulu kaola merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari Sabtu lepas.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh mengenai Anggaran Perbelanjaan, 2018/2019 iaitu:

- 3.1. *BMI profiling* iaitu saringan *BMI* dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah Tahun 1 hingga Tahun 11 yang telah mula dijalankan pada tahun ini bertujuan memantau status *BMI* penuntut-penuntut sekolah; dan
- 3.2. *Program B-Fit4Life* iaitu tertumpu kepada pelajar sekolah yang mempunyai berat badan berlebihan. Program rintis dimulakan pada tahun ini di 12 buah sekolah menengah yang terpilih yang *training of trainers* bagi guru-guru terlibat telah dikendalikan pada Februari 2018.

Selain itu, inisiatif dan program lain yang mendukung pencapaian

1. Kod 002/000 - Kesihatan Awam. Kaola melihat dalam Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 bahawa peruntukan yang disediakan bagi tahun 2018/2019 adalah tidak ada atau tidak diperlukan tetapi kaola semak dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak \$6,050,946.00. Kaola berpendapat bahawa kementerian telah dapat menyelamatkan perbelanjaan yang begitu besar dan kaola amat-amat menghargai dengan Kementetian Kesihatan;
2. Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menyentuh mengenai Kod 004/002 - Penjagaan Kesihatan *Secondary* Perkhidmatan Hospital. Dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak \$27,576.451.00 manakala, cadangan Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 yang diperuntukkan \$130,037.435.00. Bermakna perbelanjaan tahun ini ditambah sebanyak \$145,460,984.00.

Adakah dengan perkhidmatan hospital pada tahun ini termasuk untuk melaksanakan langkah-langkah perancangan iaitu mengenai Pusat Kesihatan Muara agar ia dapat dipertimbangkan untuk dilanjutkan perkhidmatannya sehingga pukul 09.30 malam bagi membolehkan rakyat dan penduduk-penduduk yang semakin bertambah di sekitar Zon 2 boleh mendapat rawatan perubatan dengan lebih mudah dan cepat;
3. Kaola ingin menyentuh Kod 005/000 - Perkhidmatan Bantuan Asas. Anggaran Perbelanjaan, 2017/2018, Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak \$4,771,971.00 dan manakala Anggaran Perbelanjaan, 2018/2019 cadangan Kementerian Kesihatan telah diberikan peruntukkan sebanyak \$53,290,556.00. Di sana, terdapat tambahan perbelanjaan sebanyak \$48,518,585.00;
4. Kaola ingin bertanya mengenai Kod 005/001 - Pengurusan Barangan Perubatan Guna Habis (guna sama) dan Farmaseutikal. Kenapa ada pesakit luar selalu didapati senarai ubat-ubatan yang ditetapkan oleh doktor-doktor berkenaan. Tetapi bila waktu pengambilan, ada ubat-ubatan tertentu di farmasi sering kali diberitahu ubat tersebut tidak ada dalam stok? Sebilangan ubat-ubatan menggunakan nama-nama saintifik yang kurang difahami oleh pesakit.

Oleh itu, kaola mencadangkan di samping nama saintifik ubatan-ubatan dicadangkan ditulis kegunaan ubat berkenaan secara ringkas dalam bahasa ibunda iaitu dalam bahasa kita bahasa Melayu bagi membolehkan pengguna memahami dengan baik di samping arahan yang sudah sedia ada;
5. Terakhir, bahawa dalam perhatian kaola masih lagi terdapat premis-premis makanan, menu-menu minuman yang alternatif selain

meminum minuman manis yang mereka tawarkan.

Apakah ada usaha-usaha Kementerian Kesihatan akan lakukan terhadap semua premis makanan segera yang digemari oleh golongan kanak-kanak dan juga dewasa yang menawarkan makanan dan minuman dengan tahap gula yang boleh dikira sebagai tinggi?

Yang Berhormat Pengerusi, sekian dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

1. Mengenai perbelanjaan dan sama jua mengenai *secondary care*. Perbelanjaan ini *is being reorganised* dan disatukan, tidak ada pengurangan di sana, ia dipindah dari satu bahagian ke satu bahagian sahaja. Jadi pengurangan perbelanjaan dari segi kesejahteraan awam tidak ada, malahan bertambah pula kali.

Seperti Yang Berhormat fahamkan *overall budget* Kementerian Kesihatan tahun ini bertambah. Tidak boleh dilihat, dibandingkan dengan satu kategori untuk tahun ini dengan tahun lepas. Masa ini *we try to* menyatupadukan segala aktiviti kalau boleh dalam satu bahagian di bahagian yang diperuntukkan;

2. Mengenai Klinik Perkhidmatan Kesihatan di Muara, sama ada boleh dilanjutkan kepada 9.30 malam. Difahami di kawasan tersebut bertambah sudah penduduknya dengan adanya perumahan-perumahan yang bertambah di kawasan tersebut. Tapi untuk membuat satu klinik ini *its not just about doctors, nurses, supporting staff, pharmacist, dispenser* jadi peruntukkan walaupun macam bunyinya sekejap 6 - 9 tetapi ini memerlukan belanja yang banyak dengan keadaan kita berinovatif mempunyai perbelanjaan, kitanipun mesti memikirkan adakah ia bersesuaian atau tidak.

Kita lihat dengan ada kemudahan awam masa ini, jalan raya dari Muara menuju ke *Berakas Health Centre* mungkin dalam 20 minit sahaja, buat masa ini Yang Berhormat mungkin belum dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau dari masa ke masa mengenai keperluannya jua;

3. Mengenai pengurusan barang *pharmaceutical*. Ubat-ubat yang tidak ada, ini soalan bonus, selalu ubat tidak ada. Pihak Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang masalah ini dan telah pun mengenal pasti ataupun menunduki *to find whats the roots cause*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada masa yang akan datang pihak Kementerian Kesihatan

akan berunding sama jua dengan Kementerian Kewangan bagaimana menyelaraskan atau menyepadukan *this supply chain* ini supaya ia tidak terganggu. ^{إِنْ شَاءَ اللَّهُ} Mudah-

mudahan akan dapat diusahakan dan kementerian pun merasa sekurang-kurangnya ini tidak terjadi lagi kerana ia kerap kali didengar mengenai masalah ubat tidak ada ini; dan

4. Nama-nama saintifik itu perlu juga difahami. Ada 2 cara memanggil ubat ini, ada *trade name or generic name*. *Trade name*, nama yang dipasaran *misalannya ponstan*. *Ponstan is a trade name*, nama saintifiknya *mefinamic acid*, macam itu jua *panadol*, *panadol actually* bukan saintifik *name its trade name called panadol*, nama sebenarnya *acetaminophen*.

Tapi walau bagaimanapun, kitani mesti tahu jua apa jenis-jenis ubat ini. Sebab kalau memberitahu doktor ia bulat, damit, empat segi ia tidak bermakna kepada doktor. Perlu difahami jualah kalau abiskita tidak tahu menulis dalam kertas apa ubat-ubat ini, berapa kali sehari dan ia punya dos, itu yang bisainya; dan

5. Mengenai premis makanan alternatif. Apa yang Kementerian Kesihatan dapat lakukan ialah memberigakan mengenai makanan sihat. *At the end of the day*, kitani boleh memberi ilmu pengetahuan itu sahaja kepada orang ramai, ibu bapa dan mereka perlu membuat

the right choice. Apa yang penting bagi Kementerian Kesihatan ialah sentiasa memberigakan apa yang dimaksudkan dengan makanan sihat, sebab kalau orang tahu sudah apa masalahnya obesiti ini dan macam mana caranya mengurangkan, dengan sendirinya makanan yang segera ini akan berkurangan.

So we want to nudge the public to make the right choice, we cannot force people, I don't think its right. Dalam pada itu juga seperti yang saya katakan tadi, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa melaksanakan *public engagement* dengan *relevant stakeholders* terutama sekali dalam menggubal Dasar Pengiklanan Makanan dan Minuman kepada kanak-kanak. Sebab iklan ini yang kadang-kadang jahat, *so* dasar inilah bertujuan mengurangkan kesan pemasaran makanan yang tinggi lemak, asid trans-lemak, gula atau garam terhadap kanak-kanak.

Dasar ini akan dikemaskinikan lagi dengan kerjasama dari pihak-pihak berkepentingan kerajaan dan swasta serta orang awam dalam melaksanakan cadangan pemasaran makanan dan minuman tanpa alkohol jua kepada kanak-kanak yang dikeluarkan oleh *WHO* dan mengambil kira jua potensi pertelingkahan kepentingan melalui dialog bersama agensi-agensi yang berkepentingan.

Selain itu, Program Restoran Sihat juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dan kesedaran terutamanya pemilik restoran dan penyelia mengenai pilihan yang lebih sihat dan memberi atau *empowering* mereka untuk mempromosikan kesihatan dan cara hidup sihat.

Program ini dilancarkan sudah sejak tahun 2014, walau bagaimanapun, *participations* tidak berapa banyak, ada 9 restoran sahaja dan restoran tersebut telah *nutritionist* jua atau *dietician* untuk memberigakan lagi mana yang banyak gula, mana yang banyak garam dalam senarai makanan mereka itu.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ pada masa akan datang ada jua sudah difikirkan untuk menggalakkan para restoran, walaupun makanan segera ditaruh kalornya *next to it*. Banyak sudah negara yang membuat perkara macam ini. Walaupun ia restoran itu ada makanan sihat tetapi disimpan dekat makanan itu berapa kalornya agak-agaklah, kita dapat melihat berapa selain kurang gula, kalornya berapa, *this will help us to make the right choice and decision*. Apa yang penting ialah bagi Kementerian Kesihatan memberigakan barang ini *and to empower the public and to merge them to make the right choice*.

Itu sahaja, sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Berhormat Pengerusi Kaola bercakap mengenai Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. Apa yang kaola hendak cakapkan ini telah pun ada sedikit sebanyak telah dikeluarkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun, kaola ada bercadang dalam yang kaola tanyakan sekarang.

Kaola mengucapkan syabas dan terima kasih atas usaha Kementerian Kesihatan bagi memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai kualiti kesihatan yang baik bagi mendukung ke arah warga sihat. Kaola juga menyambut baik usaha-usaha pihak kementerian melalui penganjuran program-program kesihatan kepada masyarakat terutama sekali dalam menjaga makanan yang sihat.

Yang Berhormat Pengerusi. Ada sebilangan restoran yang ternama antarabangsa di Negara Brunei Darussalam menyediakan pendekatan untuk pelanggannya memberi kadar campuran gula di dalam minuman yang dibeli iaitu 0% bagi kosong gula (tiada gula), 20% bagi sedikit gula, 50% pula untuk sederhana gula dan 70% untuk campuran gula tahap biasa.

Kaedah dan inisiatif ini sangat baik bagi memberi peluang kepada pelanggan, mengawal tahap gula yang diperlukan. Dalam masa yang sama ia dapat mendisiplinkan masyarakat untuk sentiasa menjaga kesihatan dari masa ke masa dan kaedah ini mampu menyumbang ke arah meningkatkan kualiti kesihatan orang ramai khususnya untuk kita di Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan satu langkah yang baik agar inisiatif ini dapat diperluaskan dan diguna pakai oleh restoran-restoran, kedai-kedai makan dan gerai-gerai di seluruh Negara Brunei Darussalam agar menyediakan pilihan campuran peratus gula dalam minuman kepada pelanggan-pelanggan mereka. Inisiatif ini boleh dilakukan melalui program-program galakkan atau kempen kesedaran pengambilan gula dan seimbang secara berterusan.

Soalan kaola: Apakah perancangan dan usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mengawal pengambilan gula yang seimbang dan baik untuk kesihatan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Apa Yang Berhormat tadi nyatakan itu memang benar, itu satu projek yang baik untuk memberi

maklum kepada pengguna supaya mereka membuat pilihan yang bijak dalam minuman mereka. Seperti yang kaola terangkan tadi perkara begini memang dialu-alukan dan seperti kaola terangkan tadi juga mengenai restoran sihat. Jika sekiranya ada restoran sihat ini kita mahu begini, memberitahu gula dan bagaimana kalorinya jua dan perkara ini akan dibincangkan bersama pihak Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain bagaimana menyelaraskannya dengan secara teratur di setiap premis makanan itu ataupun makanan *fast food*. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Kaola akan membawakan Tajuk di bawah Kod 002/004 iaitu kaola akan menambah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada masa ini, bermacam-macam makanan dan minuman yang mengandungi bahan-bahan pengawet yang tidak diluluskan dan tidak sesuai dari segi kesihatan mahupun keselamatannya untuk dimakan dan diminum, tidak terkecuali termasuk juga khabarnya ada beberapa jenis gula-gula ataupun *candy* (termasuk jenis serbuk) dan juga

minuman selain minuman keras yang boleh mengkhayalkan dan merosakkan fikiran kepada penggunanya. Perkara ini sedikit sebanyak meresahkan ibu bapa kanak-kanak.

Adakah benar perkara yang dinyatakan di atas telah memasuki dan beredar di negara kita ini? Sejauh ini adakah penemuan-penemuan didapati dan tindakan kepada yang berkenaan? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis. Mana-Mana produk makanan yang diimport seperti kaola/saya terangkan tadi perlu mendapat *approval* daripada Kementerian Kesihatan dari segi ia selamat atau tidak untuk dimakan. Ini termasuk dalam akta yang saya sebutkan tadi Penggal 183 dan pada masa ini kalau ada pencemaran ataupun dikhuatiri ada pencemaran pihak-pihak yang tertentu bolehlah memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan untuk diuji ke makmal.

Buat pada masa ini pihak Kementerian Kesihatan tidak ada menerima aduan mengenai masalah ini dan jika Ahli Yang Berhormat mengetahui masalah ini bolehlah berhubung dengan Kementerian Kesihatan dengan lebih lanjut agar perkara ini dapat diatasi dan dikawal selanjutnya jika ia benar. Secara ringkasnya segala makanan atau minuman yang diimport perlulah mendapat persijilan daripada

Kementerian Kesihatan untuk dianalisis supaya ia selamat untuk dikonsumsi di negara ini, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera.

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah dan hala tuju bajet dan fungsi serta tanggungjawab Kementerian Kesihatan yang telah disampaikan pada hari Sabtu.

Kaola menyentuh Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. Mengenai Kursus *First Aid* kepada penduduk kampung. Usaha-usaha pihak kesihatan mengadakan kursus kepada penduduk kampung khususnya di Mukim Labi yang pernah diadakan pada tahun-tahun yang lepas bagi membantu pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan adalah baik, tetapi tidak menunjukkan kejayaan kerana:

1. Kebanyakan peserta yang pernah mengikuti Kursus *First Aid* ini sudah pindah dari Mukim Labi disebabkan mendapat pekerjaan dan ikut

keluarga berpindah rumah ke Perumahan Negara;

2. Kurang yakin setelah sekian lama tidak mempratikkannya; dan
3. Khuatir dipersalahkan oleh keluarga mangsa apabila mangsa tidak dapat diselamatkan, tambahan lagi apabila mangsa mempunyai insurans nyawa.

Ketiga-tiga faktor di atas tersebut dikenal pasti membantutkan usaha-usaha baik tersebut. Pihak kesihatan telah menganjurkan untuk membuka balik dengan cuba mengambil peserta-peserta baharu namun kurang mendapat sambutan. Selain itu, pihak Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan perkhidmatan paramedik dan kecemasan yang berpusat, Pusat Kesihatan, Mukim Liang.

Namun masih lagi ada cabaran dan permasalahan yang perlu diperbaiki. Pihak paramedik sukar untuk mencari alamat pesakit yang memerlukan perkhidmatan ambulans disebabkan mereka susah mencari rumah kediaman pesakit tambahan lagi ada sebahagian tempat tidak ada *signal mobile phone*. Semua ini akan melambatkan lagi perkhidmatan kecemasan.

Adakalanya pihak paramedik terpaksa memohon bantuan kepada ketua kampung untuk menunjukkan rumah pesakit masalahnya jika ketua kampung tidak ada di kampung maka masalah tersebut juga menjadi rumit. Semua permasalahan ini timbul ketika hari-hari

kelepasan awam, waktu malam atau lepas waktu kerja. Soalan kaola:

1. Adakah pemikiran untuk mengadakan perkhidmatan paramedik dan kecemasan di Pusat Kesihatan Mukim Labi kerana kebanyakan penduduknya adalah warga emas;
2. Penghidap penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, jantung dan ampus juga semakin meningkat. Pengendalian mesin-mesin berat dan bahaya seperti di kilang papan dan sebagainya dan risiko untuk terdedah kepada kecederaan adalah tinggi; dan
3. Pelancong-pelancong yang berkunjung ke kawasan peranginan seperti di Wasai yang terdedah kepada bahaya seperti terjatuh, luka dan lemas. Jarak yang jauh dan perjalanan yang kurang selesa disebabkan banyak selekoh dan berisiko tinggi mengundang bahaya jika tidak mahir memandu.

Seterusnya, kaola menyentuh Kod B00400 - Pemeliharaan Aset Kerajaan:

1. Apakah perancangan yang akan dibuat dengan Pusat Kesihatan Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat yang sudah ditutup sekarang; dan
2. Apakah ada inisiatif Kementerian Kesihatan mengenai berek dan sebuah rumah kerajaan di bawah Pusat Kesihatan Mukim Labi yang masih kosong dan terbiar selepas ianya diperbaiki kerosakannya. Apa

yang merisaukan ialah barek dan rumah tersebut berhampiran dengan Sekolah Labi. Di sekolah anak-anak kita diajar untuk menjaga kebersihan bukan sahaja kebersihan dalam rumah tetapi termasuk di sekitar luar rumah.

Sedangkan di hadapan mereka ada contoh kurang sihat seperti rumah kosong yang terbiar. Tambahan lagi ia kepunyaan pihak Kementerian Kesihatan yang ada hubungan kaitnya secara langsung dengan Kementerian Kesihatan yang menganjurkan "mengamalkan gaya hidup sihat" dan menampakkan semacam pembaziran kerana dibaiki tetapi tidak digunakan.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Kaola ingin menjawab soalan:

1. Kursus *First Aid* ini amatlah penting bagi semua orang untuk memahami ataupun nya kitani pandai membuat *first aid* ini, kerana masa itu nyawa. Kadang-kadang *CPR* kita memerlukan 3-4 minit saja untuk menolong orang.

Di Kementerian Kesihatan, keperluan ini sudah pun dibincangkan tahun lepas sebenarnya dengan tertubuhnya *Brunei Darussalam*

National Research International Council. Walau bagaimanapun ahli-ahlinya ada berubah disebabkan perkara-perkara tertentu. Jadi pihak Kementerian Kesihatan perlu melantik semula siapa ahli-ahlinya dalam *Brunei Darussalam Research Council* ini untuk memastikan *first aid* ataupun sekurang-kurangnya *first aid* ataupun *basic life support* ini. Sebahagian besar dari penduduk Brunei ini boleh membuat, bukan di Mukim Labi sahaja.

Apa yang kitani selidiki baru-baru ini, cuma dalam 5% sahaja penduduk di Negara Brunei Darussalam ini pernah membuat *first aid* ataupun masih pandai membuat *first aid*. Angka ini sangat rendah. Apa yang ingin kita capai dalam beberapa tahun ini untuk meningkatkan lagi sekurang-kurangnya kalau boleh 50% pandai atau tahu apa yang dimaksudkan dengan *first aid* ini atau membuat *CPR*.

Ini memerlukan *planning* yang panjang dan memastikan juga *sustainable* dan for *training* juga memerlukan bajet. *Especially with the CPR we* memerlukan *dummies* untuk mempraktis menekan dada pesakit. Apa Yang Berhormat nyatakan itu memang satu kepentingan dan Kementerian Kesihatan mengambil maklum mengenainya dan berharap dengan melantik ahli-ahli baharu dalam Brunei Darussalam punya *resuscitation council* ini kitani akan dapat memberigakan dan mengajar

lebih ramai penduduk di negara ini untuk mengetahui masalah *first aid* ini. Ini bukan sahaja di mukim-mukim, ini di institusi-institusi tinggi, sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan jua. Kitani mau *as many as possible* mesti pandai membuat CPR ini;

2. Mengenai masalah paramedik seperti yang dinyatakan tadi dengan peruntukan yang ada pada 2018/2019 ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Kesihatan akan menambah ambulans sebanyak 16 buah sama ada menambah atau mengganti yang rosak. Dengan ada ambulans-ambulans tersebut dan kakitangan paramedik juga perlu ditambah. Bila semuanya ada penempatan-penempatan ambulans ini perlu diteliti semula. Sama ada kitani perlu menempatkannya tempat lain seperti yang disarankan tadi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan ditunduki di Kementerian Kesihatan dengan lebih lanjut lagi; dan

3. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebuah klinik kesihatan telah bermula beroperasi di Kampung Labi pada tahun 2002 bagi memenuhi keperluan penduduk yang tinggal di sana. Berek dan bangunan banglo tersebut sudah kosong. Pada asalnya ia digunakan untuk kediaman kakitangan yang ditugaskan di klinik tersebut. Ia juga sebagai persediaan kakitangan tambahan yang ditugaskan di klinik

tersebut semasa berlakunya bencana banjir dan tanah runtuh.

Ini mengambil kira keadaan pada masa itu yang jalan raya ke Mukim Labi sering terputus semasa Musim Tengkujuh. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** keadaan jalan raya Mukim Labi pada masa ini telah diperbaiki dan tidak lagi terjejas semasa musim tengkujuh. Sejak kira-kira 8 tahun yang lalu kakitangan di Klinik Kesihatan Labi tidak lagi memerlukan bantuan tempat kediaman dan bangunan barek serta banglo tersebut telah pun dikosongkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Memandangkan berek dan bangunan banglo tersebut tidak lagi diperlukan oleh Kementerian Kesihatan, kementerian ini akan berbincang dengan mana-mana kementerian atau jabatan lain yang mungkin memerlukan kemudahan tersebut dan diharap masalah kebersihan di sana akan terjamin.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan tersebut telah dijawab dengan tenang

dan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Saya kira cukuplah sekian kita membahaskan Belanjawan Kementerian Kesihatan ini. Saya ingin sekarang mencadangkan supaya Belanjawan Kementerian Kesihatan ini kita undi untuk kita meluluskannya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Jadual Belanjawan Kementerian Kesihatan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih nampaknya semua Ahli bersetuju, oleh yang demikian Belanjawan Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini selama 15 minit untuk kita berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih bersidang dalam Jawatankuasa. Kita masih lagi

meneliti Jadual Rang Undang-Undang Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita ditangguhkan tadi berehat, kita telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk Kementerian Kesihatan. Kita sekarang akan berpindah membincangkan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan sebagaimana lazimnya jua saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya terutama mengenai objektif dan hala tuju Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu kaola bagi pihak seluruh warga Kementerian Perhubungan termasuk jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Mahal Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan yang disokong untuk disediakan kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 sebanyak \$54, 880.500.00. Selain itu, antara projek besar di bawah Perbelanjaan Kemajuan bagi tahun 2018/2019 adalah Projek Sistem Pengangkutan Awam yang dijangka akan memakan belanja sebanyak \$15 juta. Projek ini selaras dengan Strategi Pelan Induk Pengangkutan Darat yang antara lainnya untuk memastikan mengurangkan kebergantungan pada kenderaan persendirian dan mengukuhkan lagi urus tadbir sektor pengangkutan awam.

Peruntukan kewangan ini amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada Kementerian Perhubungan bagi pembangunan kemajuan sektor perhubungan dan pengangkutan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengongsikan secara ringkas mengenai beberapa inisiatif utama Kementerian Perhubungan yang telah dilaksanakan. Perkembangan dan perancangan serta hala tuju bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang Tahun Kewangan 2017/2018 Kementerian Perhubungan telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memperkemas dasar, urus tadbir dan proses yang dijalankan. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini telah dapat menyumbang kepada penjimatan peruntukan memudah cara orang ramai dan perniagaan serta meningkatkan tahap produktiviti. Ini adalah seperti yang ditekankan dalam Pelan Strategik Kementerian Perhubungan 2018/2019.

Sehubungan itu, Kementerian Perhubungan akan memastikan adanya kesinambungan dasar dalam perancangan bagi tahun yang akan datang ini. Pada masa yang sama beberapa kajian semula akan dijalankan bagi memantapkan pelaksanaan dasar dan tujuan-tujuan. Kementerian Perhubungan juga akan terus mengenal pasti perkhidmatan yang lebih *cost effective* untuk diberikan oleh sektor swasta yang sekali gus akan dapat mengurangkan beban perbelanjaan di pihak kerajaan. Antara dasar yang dimaksudkan ialah:

1. Pengkorporatan dan Keswastaan;
2. Mengkomersialkan Perkhidmatan, sebelum ini dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan; dan
3. Memudah cara urusan orang ramai dan penglibatan sektor swasta.

Bagi dasar penswastaan dan korporatan, satu perkembangan utama dalam sektor pengangkutan adalah

penswastaan *terminal container* Pelabuhan Muara pada 21 Februari 2017 tahun lepas. Pengkorporatan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan Jabatan Laut menjadi pihak berkuasa maritim dan pelabuhan (*PBMP*) bermula pada 28 September 2017.

Penubuhan *PBMP* ini dan penswastaan *terminal container* berkenaan telah membawa perubahan positif pada tahap kualiti perkhidmatan di Pelabuhan Muara pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Perubahan ini digambarkan antaranya:

1. Peningkatan sebanyak 37% kepada produktiviti pengendalian kontena dari kapal;
2. Pengurangan sebanyak 48% ke atas masa pengangkutan kontena keluar masuk dari kawasan terminal ataupun digelar *whole year turn around time* iaitu dari 60 minit pada tahun 2016 kepada hanya 30.8 minit tahun 2017. Dengan peningkatan kualiti perkhidmatan di atas.

Ia diharap akan dapat menarik lebih banyak lagi aktiviti perkapalan di negara ini. Selain itu, penswastaan terminal kontena ini telah membukakan peluang pekerjaan dalam bidang perkapalan kepada anak-anak tempatan. Sejak mengambil alih pengendalian Terminal Kontena Muara, Syarikat Muara *Port Company* Sendirian Berhad (*MPC*) kini mempunyai 163

orang tenaga kerja yang 87% daripadanya iaitu 141 orang terdiri daripada anak-anak tempatan; dan

3. Seterusnya dengan penswastaan Terminal Kontena Muara ini ia dapat mengurangkan kos pembiayaan yang perlu diperuntukkan oleh kerajaan untuk tujuan pemuliharaan dan operasi di Terminal Kontena Muara iaitu sebanyak \$8.6 juta setahun.

Untuk lebih memudah cara orang ramai Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan yang sebelum ini dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat kini juga dapat diberikan oleh syarikat-syarikat swasta yang berperanan sebagai stesyen pemeriksaan kenderaan ataupun *vehicle inspection stations* di Daerah Brunei dan Muara. Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang mengusahakan bagi Stesen Pemeriksaan Kenderaan ini untuk dilaratkan ke daerah-daerah lain.

Langkah ini bukan sahaja memberikan kemudahan dan pilihan kepada orang ramai malahan ia telah dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$850,000.00 setahun dan pada waktu yang sama membuka peluang penyertaan swasta dalam memberikan kemudahan pilihan perkhidmatan kepada orang ramai.

Prosedur di jabatan-jabatan juga diperbaiki dengan tujuan memudah cara penglibatan sektor swasta. Sebagai contoh ialah pengisian ruang-ruang

yang boleh disewakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sejak terminalnya dimodenkan pada tahun 2014. Kadar pengisian ruang-ruang yang boleh disewakan telah menunjukkan peningkatan yang konsisten dari tahun ke tahun.

Setakat ini dianggarkan hampir 80% daripada ruang yang boleh disewakan telah diisikan oleh penyewa yang terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan dan luar negara. Inisiatif ini telah meningkatkan kemudahan dan keselesaan pengunjung serta penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang syarikat-syarikat runcit ataupun *retail* tempat makan yang beroperasi telah mengambil seramai 342 orang pekerja yang 73% terdiri daripada anak-anak tempatan.

Dalam sektor *ICT* melalui kawal seliaan berkuasa Industri Teknologi Info Komunikasi (*AITI*), kadar liputan dan penggunaan perkhidmatan telefon bimbit menunjukkan satu perkembangan positif dengan adanya usaha berterusan dari syarikat-syarikat penyediaan perkhidmatan iaitu *DST Communications* dan *Progresif Cellular Sdn Bhd*.

Terdapat peningkatan dalam infrastruktur menara telekomunikasi yang dalam perkembangan terkini usaha berterusan ini telah dapat memberikan kadar liputan perkhidmatan telefon bimbit kepada 341 buah kampung dari sejumlah 432 buah kampung ataupun hampir 80% daripada semua kampung di seluruh negara. Ini termasuklah

penyediaan liputan bagi keperluan para pengguna di kawasan sekitar Lebuhraya Lumut - Telisai dengan adanya menara yang sudah mula beroperasi baru-baru ini.

Dalam pada itu Kementerian Perhubungan dan *AITI* menyedari masih ada ruang yang perlu diperbaiki khususnya masih ada beberapa buah kampung lagi yang mempunyai masalah liputan perkhidmatan telefon bimbit. Kerjasama dan perundingan bersama pihak-pihak yang berkenaan akan digiatkan bagi memastikan liputan perkhidmatan telefon bimbit dapat diperolehi untuk kegunaan penduduk di kampung-kampung berkenaan.

Dalam bidang pembangunan kapasiti pihak *AITI* juga telah menjalankan Program Celik *ICT* yang mendapat sambutan yang baik. Termasuk dalam kalangan Majlis Perundingan Kampung khususnya bagi mendukung inisiatif Satu Kampung Satu Produk. Program ini melibatkan peserta seramai 85 orang dari 50 Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara dan *AITI* akan meningkatkan lagi pemberitaan program ini secara berterusan bagi menarik lebih banyak penglibatan dari orang ramai yang berminat.

Yang Berhormat Pengerusi untuk memastikan kesinambungan kepada pelaksanaan dasar-dasar utama di bawah Pelan Strategik 2008-2017, Kementerian Perhubungan kini sedang memperkemas Pelan Strategik 2018-2023. Dalam terus mengorak langkah menuju Wawasan Brunei 2035,

Kementerian Perhubungan terus melaksanakan dasar dan tujuannya dengan berteraskan kepada pendekatan *whole of nation*. Keperluan ini termasuk membuat penyusunan semula struktur industri, mengemas kini perundangan dan peraturan serta memantapkan lagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sehubungan itu, beberapa keutamaan dan tumpuan telah dikenal pasti sebagai hala tuju Kementerian Perhubungan iaitu:-

1. Memperkemas dasar dan tujuan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai. Ini termasuk usaha merapatkan jurang digital khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Dasar ke atas peningkatan pengangkutan awam dan terkini yang diberi keutamaan adalah sasaran bagi pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos. Cadangan pengkorporatan ini disasarkan bagi menyahut cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang ada pada era ekonomi digital pada masa ini;
2. Memperkemas pelaksanaan dasar yang menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Beberapa bidang telah dikenal pasti untuk diutamakan di bawah hala tuju ini seperti keselamatan di jalan raya, pengangkutan air dan udara yang

memerlukan perhatian serius dan komitmen padu dari pihak kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (*NGO's*) serta masyarakat amnya.

Bagi mendukung keutamaan ini antara contoh yang ingin kaola kongsi di sini mengenai usaha Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) yang terus mengorak langkah dalam menekankan kepentingan isu keselamatan jalan raya dengan adanya sokongan padu secara kerjasama dan kolaborasi dari berbagai-bagai pihak yang berkepentingan.

MKKJR juga giat mengadakan kerjasama dengan Kementerian Hal-Ehwal Ugama dalam menanai Negara Zikir melalui penglibatan anak-anak sekolah dalam acara-acara dan aktiviti-aktiviti keagamaan secara berterusan sepanjang tahun. Turut terkandung dalam dasar ini ialah bidang *ICT* khususnya dalam menggalakkan penggunaan teknologi *ICT* secara positif dan berkesan.

Ini mengambil kira kepelbagaian jenis isu kandungan yang bersumber dari pelbagai wadah *ICT*. Selain itu, dasar ke arah keselamatan dan kesejahteraan ini juga merangkumi penyebaran maklumat kaji cuaca yang cepat dan tepat bagi keperluan orang ramai secara umumnya;

3. Memantapkan penguatkuasaan dan pelaksanaan akta serta peraturan jabatan dan agensi bagi memastikan keselamatan dan kepentingan pengguna terpelihara. Antara usaha berterusan adalah penekanan atas peranan *PBMP* dalam menguatkuasakan dan mempromosikan pemakaian jaket keselamatan dalam kalangan pengguna-pengguna di perairan-perairan Brunei;
4. Memantapkan lagi usaha ke arah peningkatan sumbangan sektor perhubungan dan pengangkutan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar KDNK. Pada tahun 2016 sumbangan sektor pengangkutan sebanyak 1.88% dan sektor perhubungan menyumbang sebanyak 1.69% kepada keseluruhan KDNK negara. Bagi sektor perhubungan sasaran kementerian ini meningkatkan sumbangannya kepada 3% dan sektor pengangkutan kepada 5% menjelang tahun 2035. Sehubungan itu, usaha akan dipertingkatkan melalui aktiviti penjanaan hasil mudah cara perkhidmatan baharu dan mengkaji semula peluang perniagaan yang ada;
5. Memantapkan pemantauan ke atas pelaksanaan semua inisiatif dengan menggunakan kaedah Penunjuk Prestasi Utama *KPI's* bagi memastikan inisiatif yang dirancang menjurus kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 kementerian sedang memantapkan lagi kaedah *data analytics* bagi memperkesakan lagi penyediaan dasar dan pelaksanaannya;
6. Menggiatkan usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan. Antara usaha kementerian ini adalah dengan menubuhkan *taskforce* tunggakan hasil dan pembayaran pada bulan Disember 2017 dan sebuah Unit Kawalan Kredit pada bulan Januari 2018. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** setakat ini usaha ini telah menunjukkan perkembangan iaitu sejumlah hampir B\$5.7 juta, hasil yang tertunggak telah berjaya dikutip;
7. Usaha ke arah mengurangkan perbelanjaan. Dalam pengurusan peruntukkan yang terkawal, langkah ke arah mengurangkan perbelanjaan akan terus dipertingkatkan. Antaranya ialah dari segi penjimatan penggunaan tenaga letrik. Sebagai contoh, Jabatan Penerbangan Awam telah dapat membuat penjimatan hampir B\$284,000.00 bagi sepanjang tahun 2017; dan
8. Memudah cara perniagaan dan perhubungan industri dengan mengukuhkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Kementerian ini secara berterusan mengadakan sesi-sesi bermesyuarah bersama berbagai-bagai pihak berkepentingan khususnya di peringkat akar umbi bagi memastikan apa jua penyediaan dan pelaksanaan dasar-dasar awam (*public policies*) kementerian ini

adalah dibuat dengan lebih terperinci dan teratur.

Sekianlah saja yang dapat kaola sampaikan mengenai beberapa perkembangan dan hala tuju Kementerian Perhubungan. Kaola percaya dengan kerjasama dan sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan usaha Kementerian Perhubungan akan membuah hasil dan impak yang dihasratkan khususnya ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas huraian Mukadimah yang begitu jelas dan telus yang menggariskan dasar-dasar terperinci berkenaan dengan hala tuju Kementerian Perhubungan, sesuai dengan belanjawan yang diperuntukkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin membukakan perbincangan bagi Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Yang ada pada saya ketika ini, mengandungi beberapa orang nama Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta. Sekarang saya mempersilakan untuk memulakannya, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawakan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Banyak permintaan daripada orang ramai supaya plat nombor Jubli Emas diberi peluang lagi untuk ditenderkan kepada orang ramai. Kalau sebelumnya, nombor-nombor cantik *minimum tender* ialah \$2,500.00. Cadangan yang akan datang, tender minimumnya bolehlah dikurangkan sedikit.

Dengan itu, peluang untuk memiliki plat nombor yang amat bersejarah itu, lebih ramai yang menikmati. Ia juga akan menjana kewangan kementerian berkenaan. Kalau kaola boleh tahu, berapakah perolehan tender Jubli Emas yang telah lalu? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Ada satu soalan, nampaknya iaitu mengenai permintaan (*demand*) orang ramai yang ada pada masa ini yang berhubung kait dengan plat nombor Jubli Emas. Izinkan kaola menjawab secara ringkas jua dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam menjawab ini, kaola ingin juga memberi sedikit gambaran mengenai:-

1. Hubung kait dengan plat nombor yang dibukakan bagi menjana hasil kerajaan; dan
2. Untuk kemudahan ataupun memenuhi *demand* orang ramai.

Mula-mula sekali, jawapan terus kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit

bin Haji Nudin. Bagi tahun lepas, apabila setelah dibuka tender plat nombor Jubli Emas, hasil yang dikutip daripada proses tender dan sebagainya adalah menjana kepada B\$600,000.00. Dalam hal ini, memang benar cakap Yang Berhormat tadi, ada potensi dari segi bidang ini untuk diterokai dan dibanyakkan lagi kaedah-kaedah dan cara untuk membuka nombor-nombor yang ada.

Kaola ingin menjelaskan bahawa beberapa penelitian telah pun dibuat masa ini supaya bukan sahaja untuk mengenal pasti sebarang nombor-nombor ataupun *golden numbers* contohnya, dikenal pasti sebagai nombor-nombor yang berpotensi untuk dibukakan kepada orang ramai. Tetapi melihat juga apa jua pembaikan yang perlu dibuat dari segi tatacaranya dan ini berhubung kait dengan *governance* ataupun urus tadbir supaya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa jua kaedah yang dibuat mengenai proses tender ini akan diperkemaskinikan lagi supaya urus tadbirnya lebih jelas, telus dan menepati kemahuan orang ramai, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas pembentangan Mukadimah Anggaran Perbelanjaan, 2018/2019 Kementerian Perhubungan sebentar tadi.

Kaola akan membawa Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat, Kod Akaun 003/000 - Peningkatan dan Kemajuan Pengangkutan Awam, Kod 003/001 - Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kemasukan bas-bas pelancong luar negara ke negara ini semakin bertambah. Ini bererti kehadiran pelancong juga semakin menggalakkan menerusi jalan darat. Jadi dalam menyokong akan kehadiran pelancong ke negara ini semakin meningkat, tentulah berbagai kemudahan perlu disediakan. Contohnya, pondok-pondok perhentian dan terminal khas.

Soalan kaola:

1. Adakah perancangan membina kawasan terminal 3 wilayah bagi bas luar negara untuk menunggu atau bermalam? Sekarang ini, seperti yang dimaklumkan, tidak menentu perhentian di kawasan Bandar Seri Begawan dan ada kalanya bas-bas ini tidak dibenarkan menunggu di kawasan-kawasan yang tertentu; dan
2. Untuk mengelakkan kekeliruan penumpang, terutama orang luar iaitu mengenai yang mana satu bas yang akan menuju ke satu tempat

yang dituju, adakah sudah dilaksanakan penempatan papan maklumat di mana-mana terminal negara ini akan peta petunjuk kawasan perjalanan bas pengangkutan awam yang lengkap dengan nombor bas dan jadual waktu perjalanan untuk menentukan bas mana yang akan menuju ke suatu tempat?;

Kod Akaun 002/00 - Penguatkuasaan Kawalan Pos dan Imigrasi. Jumlah perbelanjaan berulang 2018/2019 ialah sebanyak B\$1,705,470,000.00.

Kenderaan berat yang berjalan pada waktu pagi dan petang iaitu musim puncak menambahkan lagi kesesakan jalan raya yang dipenuhi oleh kenderaan-kenderaan yang menuju ke tempat kerja dan sekolah. Hal ini menjadi rungutan orang ramai kerana perjalanan mereka tergendala dan terlambat untuk bertugas pada masa-masa yang ditentukan:

1. Adakah cadangan supaya membuat akta atau peraturan waktu atau jadual kenderaan berat mula beroperasi terutama yang membawa angkatan berat seperti trailer, membawa peralatan binaan dan pasir?;
2. Dalam kod yang sama juga. Sukan basikal kini menjadi sukan riadah yang *popular* dan utama selain bola sepak, sering kali kita melihat kayuhan basikal ini setiap hari terutama hari-hari kelepasan awam dan di mana-mana saja lebu

raya di negara ini. Apakah usaha-usaha Kementerian Perhubungan bagi membolehkan sukan riadah basikal ini dalam keadaan selamat. Adakah perancangan untuk membina laluan khas bagi sukan ini di sepanjang lebu raya?; dan

3. Memandangkan masih terdapat dalam kalangan pemandu yang tidak memahami atau sengahaja tidak menghiraukan berkenaan peraturan garis kuning dan garis putih berbelang (*zebra crossing*). Maka demi keselamatan semua pengguna jalan raya, adakah pemikiran untuk melaksanakan pemberigaan khusus dengan kempen kefahaman khusus kepada permasalahan ini?

Sekian sahaja dari kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit telah mengemukakan 5 soalan nampaknya. Bagi menjawab soalan-soalan iaitu:

1. Bas pelancong 3 wilayah terutama bas bermalam. Mungkin apa yang dimaksudkan Yang Berhormat tadi itu sehubungan dengan bas pelancong 3 wilayah iaitu *BIMP-EAGA* beroperasi dari Bandar Seri Begawan ke Pontianak, Indonesia melalui Sarawak dan dari Bandar Seri Begawan ke Kota Kinabalu, Sabah melalui Daerah Temburong. Untuk makluman Yang

Berhormat pada masa ini terdapat 2 syarikat dari Negara Brunei Darussalam dan 2 syarikat dari Indonesia yang beroperasi bagi laluan BSB - Pontianak, Indonesia, manakala, 1 syarikat dari Sabah beroperasi bagi laluan dari KK - BSB.

Dalam perjanjian di peringkat *BIMP-EAGA* Negara Brunei Darussalam telah menetapkan bagi beberapa tempat penurunan dan bagi tempat-tempat yang dikhususkan untuk pengambilan penumpang dan sebagainya. Di Bandar Seri Begawan pun telah ada ditetapkan dan dikenal pasti beberapa petak khas yang bersesuaian dan disediakan di beberapa kawasan yang tertentu. Apabila tiba di negara ini sebelum meneruskan perjalanan balik ke negara masing-masing bas-bas berkenaan akan berehat dan bermalam di tempat yang kaola sebutkan tadi yang di bawah urusan syarikat-syarikat yang berkenaan;

2. Makluman peta petunjuk kawasan pengangkutan awam yang lengkap dengan nombor bas dan jadual perjalanan di terminal bas. Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu terima kasih atas Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kerana mengajukan soalan ini. Mula-mula sekali untuk makluman Yang Berhormat, terdapat bangunan terminal bas awam di setiap daerah di negara ini,

untuk makluman umum sahaja tetapi kecuali di Daerah Temburong. Bagi terminal bas di Bandar Seri Begawan, jadual perjalanan dengan nombor bas sebelum ini ada disediakan di terminal berkenaan.

Walau bagaimanapun, kaola difahamkan dan kaola sendiri juga pernah turun baru-baru ini apabila kaola dan pihak Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat membuat lawatan dan keluar sendiri, memang benar ada beberapa tempat perhentian bas contohnya yang tidak mempunyai sebarang maklumat dan sebagainya. Perkara ini telah pun diambil perhatian dan dikenal pasti dari segi 2 kaedahnya:

- i. Dari segi *immediate* ataupun *interim*. Pihak Kementerian Perhubungan dan juga pihak-pihak yang berkenaan sedang bekerjasama untuk meneliti semula dan memperbaiki *to improve the image of the bus stop* ini dengan mengenakan ataupun memasang papan-papan maklumat, jadual-jadual bas dan sebagainya; dan
- ii. Dari segi jangka masa panjang iaitu seperti dalam mukadimah kaola juga ada kaola sentuh mengenai projek besar **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** iaitu Sistem Pengangkutan Darat di bawah projek ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diadakan beberapa komponen-komponen penting iaitu:-

- a. Infrastruktur termasuklah juga di *upgrade* ataupun penambahbaikan bas-bas terminal dan perhentian bas dan juga dari segi penambahbaikan perkhidmatan *quality of services, reliability of scheduling* dari segi kehadiran ataupun *schedule of busses* dan yang penting sekali di bawah projek itu *إن شاء الله* *the upgrade of the busses* sendiri. Perkara ini memang diambil perhatian besar dan *إن شاء الله* saranan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi diambil perhatian serius dan akan dibawa untuk perundingan seterusnya; dan
3. Bagi soalan kenderaan yang disebut tadi iaitu jika sekiranya Kementerian Perhubungan akan mengadakan sebarang peraturan, mengenai kenderaan-kenderaan berat yang berjalan pada waktu tertentu ataupun *peak hours*.

Dalam hal ini, terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit cadangan ini memang pernah dibincangkan beberapa kali di peringkat kementerian dan juga di peringkat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya - MKKJR, iaitu beberapa penelitian telah pun dibuat dan ingin kaola kongsi di sini mengenai isu ini.

Pada tahun 2014 ataupun 2015 beberapa tahun yang lalu, Kementerian Perhubungan ada mengeluarkan satu Pelan Induk Pengangkutan Darat ataupun *LTMP*. Dan *LTMP* ini masih lagi diguna pakai sebagai dasar tujuan dan garis panduan dari segi pelaksanaannya. Dalam hal ini ada 4 strategi utama dan salah satu strateginya ialah:-

- i. *Keep traffic moving* seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi ia usaha ke arah mengurangkan kesesakan lalu lintas dan kementerian ini mengambil perhatian dan memang diakui *on the ground* yang berlaku pada masa ini memang masih lagi dijumpai beberapa kenderaan berat yang berjalan pada waktu *peak hours* dan beberapa kali pernah juga dicubakan untuk berunding dan bermesyuarah dengan syarikat-syarikat yang berkenaan dan juga pelaksanaan penguatkuasaannya supaya mereka ini faham akan bagaimana waktu-waktu yang tertentu untuk berjalan.

Walau bagaimanapun, usaha ini perlu perhatian dan perbaikan lagi. *إن شاء الله* beberapa pemikiran untuk mengadakan peruntukan-peruntukan dari segi peraturan dan perundangannya nanti supaya ia akan dapat dilaksanakan secara berkonsultasi dan berunding dengan pihak-pihak *trucks* yang berkenaan ataupun *commercial trucks* yang

berkenaan dan juga dari segi kaedah membukakan peluang untuk jika sekiranya ada alternatif atau ruang-ruang baharu lagi untuk diteliti supaya adakah jalan ataupun kemudahan-kemudahan secara alternatif boleh difikirkan nanti.

Mengenai penggunaan basikal. Ada disebut tadi mengenai penggunaan basikal ini. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** di negara kita sungguh popular mengenai riadah berbasikal ini tetapi untuk menjawab soalan ini, kaola ingin menekankan ada 3 perkara sahaja. Sehubungan dengan apa pemikiran kementerian mengenai perkembangan pengguna-pengguna basikal di jalan raya khususnya di lebuh raya dan ada 3 perkara yang kaola ingin tekankan, 3K iaitu:

- i. Kesedaran ataupun kefahaman;
- ii. Keselamatan, *so is always about safety*; dan
- iii. Kemudahan (*Facilities or infrastructure*).

Dari 3 perkara ini, kaola ingin mengongsikan jua bahawa ia adalah diambil dari segi kaedah *short-term*, *mid-term* dan *long-term*. Dalam perspektif jangka masa pendek ataupun *short-term* usaha untuk memberigakan kesedaran ataupun *awareness program* terus dijalankan. Baru-baru ini kita telah memakai jua wadah Bandarku Ceria setiap hari Ahad pagi di mana beberapa *awareness leaflet* telah pun diedarkan kepada orang ramai.

Antara *leaflet* yang diguna pakai pada masa ini ialah pemikiran untuk orang ramai supaya sedar dan sama-sama memahami bagi penggunaan jalan raya adalah berkongsi ataupun *shared road for all* iaitu dalam risalah contohnya *Shared The Road Responsibility For All*. Ini mengambil kira beberapa kemudahan ataupun *infrastructure* yang mungkin belum dapat disediakan tetapi dengan adanya kesedaran orang ramai, kita akan dapat saling memahami antara pemandu kereta dan juga penunggang basikal dan sebagainya.

Mengambil kira juga beberapa amalan-amalan terbaik jika sekiranya di lebuh raya beberapa negara-negara jiran contohnya, memang ada yang tidak membenarkan orang yang berbasikal di lebuh raya kecuali ada syarat-syaratnya seperti berbasikal secara berkumpulan, berbasikal secara ber*escort* dan sebagainya.

Dalam hal ini, dari jangka masa panjang, Kementerian Perhubungan sedang berunding dengan beberapa agensi yang berkenaan khususnya juga dengan Kementerian Pembangunan nanti jika ada keperluan untuk menyediakan *infrastructure* ataupun kemudahan-kemudahan untuk orang berbasikal;

5. Bagi **الْحَمْدُ لِلَّهِ** menjawab soalan yang terakhir iaitu jika boleh mengadakan kempen kefahaman bagi penggunaan *zebra crossing* dan

garis kuning dan sebagainya. sekali lagi diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit kerana perkara ini memanglah berlaku. Ada beberapa kes-kes ataupun pemerhatian kasar sahaja, banyak pada masa ini orang kitani kurang faham barang kali mengenai penggunaan beberapa kemudahan-kemudahan jalan raya dan contohnya adalah *zebra crossing*, *yellow box*.

Dalam hal ini memang disadari pemberitaan ataupun kempen-kempen kesedaran mengenai hal ini memang dikenal pasti sebagai perlu perbaikan. Pada masa ini memang ada kempen-kempen kesedaran tetapi khusus kepada keselamatan jalan raya. Tetapi dalam hal-hal dari segi penggunaan kemudahan-kemudahan jalan raya perkara ini perlulah diberigakan semula dari awal hingga akhir.

Sebagai contoh kaola ingin kongsikan. Beberapa tahun yang lepas, Kementerian Perhubungan mengeluarkan atau menerbitkan satu buku yang dinamakan *Safe Driving in Brunei Darussalam* dan pada masa itu edisi pertama telah pun diterbitkan dan dalam buku itu mengandungi secara terperinci, bukan sahaja cara-cara memandu yang selamat tetapi ada juga dinyatakan beberapa *driving skills* atau *driving schools components* yang perlu kitani pelajari semula.

Mengingati kembali apa yang pernah kitani belajar semasa kelas

memandu dahulu. Jadinya buku ini, insha-Allah pada tahun ini buku ini akan dikeluarkan dan diterbitkan lagi dari segi edisi keduanya dan penambahbaikan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dibuat juga pada buku ini dan di mana edisi pertama hanyalah dalam bahasa Inggeris tetapi tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** edisi kedua akan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.

Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**

Pertama-tama diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas pelantikan Yang Berhormat menerajui kementerian ini. Didoakan berjaya, cemerlang, diberkati dengan rahmat Allah jua:

1. Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Apakah tindakan signifikan yang diambil atas kesalahan jalan raya oleh orang asing sama ada yang tinggal di Brunei Darussalam, bekerja atau apa jua yang menjadikan mereka menggunakan jalan raya Negara

- Brunei Darussalam. Dicadangkan supaya mana-mana orang asing yang melakukan kesalahan kecil dua kali hendaklah dipulangkan ke negara mereka dan tidak boleh kembali ke Negara Brunei Darussalam. Jika melibatkan cedera parah dan menyebabkan kematian hendaklah dipulangkan dan tidak boleh memasuki Negara Brunei Darussalam setelah mereka menjalani hukuman atau apa jua;
2. SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Apakah niat sistem *endorsement* lesen memandu orang asing memadai membuktikan mereka mahir memandu? Didapati dan juga aduan orang kitani bahawa sebahagian orang asing kitani di Brunei kurang mahir memandu. Maka kaola kira sistem *endorsement* lesen memandu tidak sesuai. Maka setiap orang asing patut mengikuti ujian bertulis dan ujian memandu bagi membolehkan mereka memandu di Negara Brunei Darussalam. Ini kerana cara memandu sebahagian mereka mengganggu perjalanan kenderaan (*Vehicle movement*);
 3. Seterusnya Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Majlis Keselamatan Jalan Raya diharapkan akan berusaha untuk menguatkuasakan dan memastikan tiada pemandu mabuk di jalan raya dalam Negara Brunei Darussalam. Apa lagi pemandu mabuk yang terlibat kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian atau kecederaan parah dan membawa kematian pengguna jalan raya yang lain. Sangatlah tidak adil pemandu yang mabuk tetapi orang lain yang mendapat kecederaan atau kehilangan nyawa. Kaola kira pemandu mabuk tidak lagi wujud di Negara Brunei Darussalam kerana minuman keras tidak dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam;
 4. Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Apakah Majlis Keselamatan Jalan Raya mempunyai peranan dalam pemantauan garis-garis jalan di Negara Brunei Darussalam seperti tanda-tanda dan garis-garis di atas jalan raya yang kurang jelas ataupun sudah kabur?;
 5. Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Di negara-negara barat sendiri mempunyai sukatan *standard* kandungan alkohol bagi pemandu yang meminum minuman beralkohol. Hendaknya Negara Brunei Darussalam patut ada mempunyai alat pengesan bagi pemandu yang tidak layak memandu yang mengandungi paras alkohol yang tinggi dan berbahaya untuk memandu terutama untuk pemandu-pemandu yang masuk melalui pintu-pintu pos kawalan negara; dan
 6. Seterusnya pada masa kini, kebanyakan *top management TelBru* dipegang oleh orang asing terutamanya Bahagian *Human Resource* diketuai oleh bangsa asing dan banyak bangsa asing diberikannya peluang kerja. Ini

membuatkan pekerja tempatan tersisih. Bonus *TelBru* diberikan pada bulan Mei bukan bulan Disember yang biasa diamalkan oleh pihak kerajaan. Diharapkan dengan pemberian bonus bulan Disember, memberikan kemudahan pembelian peralatan keperluan anak-anak sekolah. Ini rungutan yang disuarakan oleh pekerja-pekerja tempatan *TelBru*. Mohon perkara ini menjadi perhatian pihak kerajaan bagi kepentingan dan pemeduliaan bangsa Brunei yang menerima impak penswastaan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu memikirkan jawabannya terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi, maka saya kira eloklah kita tangguhkan perkara itu dan kita akan menyambung semula mesyuarat kita pada sebelah petang nanti.

Maka saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini untuk kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi membolehkan kita berehat pada sebelah tengah hari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai pukul 2.30 petang, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)